



# ARLIMEN

# MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA P ARLIMEN  
KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan  
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan  
Rakyat Daripada Kementerian**

**HARI RABU: 16 JUN 2010**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LIS AN YANG TIDAK D APAT DI JAWAB DID ALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 5,10 HINGGA 60 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 4  
6 HINGGA 9**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

SIDEK  
CAW. PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA

**Soalan No : 5**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**

**(BATANG SADONG)**

**TARIKH**

**16.06.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [ BATANG SADONG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah prestasi kesukanan pelajar dari sekolah sukan diwujudkan untuk meningkatkan kemahiran yang pelajar ceburi.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua ( 2 ) buah Sekolah Sukan Malaysia (SSM) iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) di Kuala Lumpur dan Sekolah Sukan Bandar Penawar (SSBP) di Johor. Pelajar-pelajar sekolah ini dipilih melalui Program Mengenal pasti Bakat (TID) yang dilaksanakan bersama Institut Sukan Negara (ISN), Majlis Sukan Negara (MSN) dan Persatuan Sukan Kebangsaan.

Setiap atlet pelajar yang ditawarkan ke SSM ini akan mengikuti program Latihan Multi Lateral selama tiga tahun pertama mereka di sekolah sukan berkenaan. Program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran pelajar berkenaan terhadap sukan-sukan yang akan dikenal pasti sesuai untuk mereka. Program latihan ini akan disusuli secara progresif sehingga ke tahap yang boleh mempertingkatkan prestasi serta kemahiran dalam sukan masing-masing. Bagi atlet-atlet yang dikenal pasti mempunyai bakat dalam sukan tertentu, mereka dilatih oleh jurulatih yang berkelayakan dari dalam negeri atau luar negeri. Selain dari jurulatih yang

**berkelayakan, sekolah-sekolah ini juga dilengkapskan dengan infrastruktur sukan yang mencukupi.**

Rjm 31

## **SOALANNO: 10**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN:** LISAN

**DARIPADA:** Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

**TARIKH:** 16JUN2010

**SOALAN:**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengelakkan ‘brain drain’ berterusan serta menggunakan potensi pekerja-pekerja mahir untuk pembangunan negara.

PR-1232-L38390

**Jawapan:**

**Tuan Yang Di pertua,**

Kerajaan mengambil pendekatan yang menyeluruh untuk mengatasi masalah *brain drain* samaada dikalangan pelajar, pekerja mahir dan pekerja tidak mahir dimana-mana juga di Malaysia, termasuk di Sibu.

Pada masa kini terdapat lebih 700,000 rakyat Malaysia yang berkemahiran bekerja di luar negara dan Kerajaan telah / akan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan *brain*

*drain* berterusan ke luar negara, antaranya seperti berikut:-.

- i. Penubuhan *Talent Corporation* di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) adalah bertujuan untuk mengenal pasti kekurangan *talent* di sektor-sektor utama dalam negara, menarik dan mengekalkan modal insan berkemahiran yang diperlukan. *Talent Corporation* dengan kerjasama sektor awam dan swasta juga akan mewujudkan Rangka Tindakan Modal Insan Berkemahiran bagi mengenal pasti dan menentukan *talent* berdasarkan keperluan *National Key Economic Areas (NKEA)* serta menerajui inisiatif menarik rakyat Malaysia yang berkemahiran untuk menyumbang kepada kemahiran negara,
- ii. Menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan umpamanya melalui pembangunan di lima Wilayah Pembangunan Koridor. Setiap koridor Pembangunan Wilayah menyediakan peluang pekerjaan kepada pekerja mahir dan tidak mahir,
- iii Kerajaan juga melalui dasar Model Baru Ekonomi (*Retain & Access Global Talent*) sedang berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi berpendapatan tinggi. Keadaan ini akan menarik minat pekerja-pekerja mahir negara khususnya penduduk Malaysia untuk tidak berhijrah ke luar negara. Di samping itu bekas rakyat Malaysia juga akan diberi peluang untuk kembali ke Malaysia dan menyumbang kepada pembangunan negara,
- iv. Melalui portal *JobsMalaysia*, pencari-pencari kerja boleh mendapat maklumat mengenai kekosongan jawatan yang tawarkan di negara ini. Sehingga Jun 2010, terdapat seramai 21,674 majikan yang mendaftar untuk menawarkan kekosongan jawatan yang ada.

Tuan Yang Di Pertua,

Usaha-usaha yang dinyatakan diatas akan mengurangkan masalah *brain-drain* disamping mengekalkan *talent* sedia ada untuk pembangunan negara ini.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN MASIR ANAK KUJAT</b>
	<b>(SRI AMAN )</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16.06.2010 (RABU)</b>
<b>NO. SOALAN</b>	<b>11</b>

**TUAN MASIR ANAK KUJAT ( SRI AMAN )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan apakah status terkini program cadangan “*Community Drumming*” untuk subsidi minyak diesel di kawasan pendalaman di Parlimen Sri Aman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah melaksanakan Projek Penyeragaman Harga Petrol dan Diesel atau lebih dikenali sebagai *Community Drumming* di Bahagian Sri Aman bermula pada 22 Mac 2009. Sehingga 31 Mei 2010, sebanyak 26 kawasan pengedaran telah dilaksanakan dan bilangan peruncit yang dilantik sebagai *Point-of-Sale* adalah sebanyak 30 pengusaha dengan peruntukan sebanyak RM5.56 juta.

**Kuota sebanyak 2,285 drum petrol dan 1,325 drum diesel telah dibekalkan di Bahagian Sri Aman dalam sebulan bagi melaksanakan projek ini.**

**Projek ini akan diteruskan dan Kementerian saya memohon jasa baik YB untuk mengemukakan senarai kawasan yang dicadangkan untuk dilaksanakan dalam tahun ini.**

) SOALAN NO:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**LISAN**

**PERTANYAAN Y.B DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [ SIPITANG ]  
DARI PAD A 16 JUN 2010 (RABU)**

**TARIKH**

**SOALAN** minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status perancangan menaik taraf Jalan Mendulong - Meligan - Long Pasia di daerah Sipitang.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Terima kasih di atas keperihatinan Ahli Yang Berhormat mengenai status perancangan Jalan Mendulong - Meligan - Long Pasia di daerah Sipitang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya prihatin dengan pembangunan jalan raya di kawasan luar bandar terutamanya di Sabah. Untuk tujuan itu, Kementerian Kerja Raya sedang menjalankan Kajian Semula Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, Fasa 2 (*Highway Network Development Plan, Phase 2 Review Study*) bagi tujuan memperluaskan jaringan jalan raya di sana disamping memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya dan seterusnya bagi meningkatkan lagi kegiatan ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kajian ini berada diperingkat akhir penyiapan. Senarai awalan daripada kajian ini telah mengenalpasti akan keperluan menaiktaraf Jalan Mendulong - Meligan - Long Pasia di daerah Sipitang bagi memperbaiki kebolehsampaian (*accessibility*) dan meningkatkan keselesaan pengguna jalan raya. Tambahan pula jalan ini akan menghubungkan ke kawasan pertanian seperti kawasan penanaman padi, kawasan pembalakan dan kawasan pelancongan yang dapat meningkatkan taraf hidup rakyat di kawasan berkenaan. Sehubungan dengan itu, projek ini diberi keutamaan tinggi didalam permohonan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) *Rolling Plan* yang kedua. Walaubagaimanapun permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.



**SOALAN ( 13 )**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, AAALAYSIA**

**PERTANYAAN**

: TARikh : LISAN  
DARI PAD A 16 JUN 2010 (RABU)  
: Y.B.DATO'MOHDJIDINBIN  
SHAFEE  
(SETIU)

**SOALAN**

**Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapakah keperluan rumah di kalangan rakyat mengikut pecahan negeri dan sejauh manakah usaha yang telah dilaksanakan bagi memastikan rakyat benar- benar memperolehi faedah daripada projek tersebut.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keperluan rumah di kalangan rakyat di seluruh Malaysia bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) adalah sebanyak 709,400 unit rumah. Keperluan rumah mengikut pecahan negeri adalah seperti di Lampiran. Dalam tempoh RMKe-9, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menggariskan beberapa teras strategik pembangunan perumahan yang memfokuskan kepada penyediaan perumahan yang mencukupi, berkualiti, mampu dibeli atau disewa terutamanya untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah. Kementerian telah memberi penekanan kepada kesesuaian lokasi serta persekitaran yang lebih kondusif supaya rakyat dapat hidup dalam keadaan daya huni.

**LAMP I RAN**

**Kementerian Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan Jun 2010**

**KEPERLUAN PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI, 2006-2010**

(Unit)

<b>Negeri</b>	<b>Keperluan Baru</b>	<b>Penggantian</b>	<b>Jumlah Keperluan</b>
<b>Johor</b>	<b>86,100</b>	<b>5,400</b>	<b>91,500</b>
<b>Kedah</b>	<b>51,800</b>	<b>5,000</b>	<b>56,800</b>
<b>Kelantan</b>	<b>40,600</b>	<b>5,600</b>	<b>46,200</b>
<b>Melaka</b>	<b>19,100</b>	<b>1,700</b>	<b>20,800</b>
<b>Negeri Sembilan</b>	<b>23,000</b>	<b>3,700</b>	<b>26,700</b>
<b>Pahang</b>	<b>41,100</b>	<b>3,300</b>	<b>44,400</b>
<b>Perak</b>	<b>48,600</b>	<b>9,600</b>	<b>58,200</b>
<b>Perlis</b>	<b>6,100</b>	<b>500</b>	<b>6,600</b>
<b>Pulau Pinang</b>	<b>30,900</b>	<b>1,900</b>	<b>32,800</b>
<b>Sabah</b>	<b>50,800</b>	<b>5,300</b>	<b>56,100</b>
<b>Sarawak</b>	<b>62,400</b>	<b>4,600</b>	<b>67,000</b>
<b>Selangor<sup>1</sup></b>	<b>135,200</b>	<b>800</b>	<b>136,000</b>
<b>Terengganu</b>	<b>30,000</b>	<b>2,800</b>	<b>32,800</b>
<b>Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</b>	<b>31,800</b>	<b>600</b>	<b>32,400</b>
<b>Wilayah Persekutuan Labuan</b>	<b>1,000</b>	<b>100</b>	<b>1,100</b>
<b>Jumlah</b>	<b>658,500</b>	<b>50,900</b>	<b>709,400</b>
<b>%</b>	<b>92.8</b>	<b>7.2</b>	<b>100</b>

**Nota:**

<sup>1</sup> termasuk Wilayah Persekutuan

**Putrajaya SUMBER: RANCANGAN**

LAMP I RAN

MALAYSIA KE-9

Soalan No : 14

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (AMPANG)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16.06.2010</b>

**SOALAN**

Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [ AMPANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kementerian Pelajaran akan mendirikan sekolah dalam kawasan Bukit Antarabangsa bagi kemudahan pendidikan kepada penduduk di kawasan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. Namun, oleh kerana kekangan kewangan yang dihadapi, KPM memberi keutamaan kepada projek-projek yang lebih memerlukan. Buat masa kini terdapat beberapa sekolah berhampiran seperti SK Taman Melawati, SK Taman Permata, SK Lembah Keramat, SJKT Taman Melawati, SMK Taman Melawati, dan SMK Lembah Keramat.

## **SOALAN NO: 15**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN LIANG TECK MENG

T ARIKH: 16 JUN 2010

SOALAN:

**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kes aduan pekerja terhadap majikan yang tertunggak dan masih belum diselesaikan oleh Mahkamah Tribunal bagi 5 tahun yang lalu.

PR-1232-L38103

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik sehingga 31 Mei 2010, sebanyak 2,560 kes aduan pekerja terhadap majikan masih tertunggak dan belum diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan. Pecahan kes tertunggak adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN KES YANG BELUM SELESAI</b>
2010	545 kes baru
2009	336
2008	195

2007	593
2006	502
2005	389
JUMLAH	2560

Tuan Yang di-Pertua,

Antara sebab-sebab kes masih belum diselesaikan di Mahkamah Perusahaan adalah seperti berikut:

- a) .Kes tertangguh kerana terdapat permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi, kemudiannya dirayu ke Mahkamah Rayuan dan akhir sekali ke Mahkamah Persekutuan. Sementara menunggu keputusan tersebut, kes tidak dapat diteruskan dan hanya setelah Mahkamah Persekutuan membuat keputusan kes perlu diteruskan oleh Mahkamah Perusahaan maka barulah kes tersebut dihantar semula ke Mahkamah Perusahaan untuk diteruskan sambung bicara,
- b) .Dalam masa yang sama juga terdapat permohonan sampingan yang lain ke Mahkamah Tinggi iaitu seperti permohonan penggantungan, permohonan untuk membuat rayuan yang mana proses berkenaan memakan masa yang lama. Oleh itu, kes di Mahkamah Perusahaan ditangguhkan sementara sehingga permohonan di Mahkamah Tinggi selesai,
- c) .Kebanyakan kes yang tertangguh adalah merupakan kes-kes yang rumit dan melibatkan ramai pihak menuntut (perayu ) dan saksi,
- d) .Terdapat juga kes-kes di mana walaupun tarikh bicara telah ditetapkan, pihak-pihak bertikai memohon untuk meminda *pliding* atau penggabungan beberapa kes dalam satu kes dan/atau pencantuman pihak lain ke

dalam kes tersebut. Permohonan tersebut akan

didengar terlebih dahulu dan sekiranya terdapat bantahan dari pihak yang satu lagi ia akan mengambil masa yang lebih panjang,

e) .Peguampihak-pihak bertikai memohon untuk penangguhan tarikh bicara yang telah ditetapkan atas pelbagai alasan dan ini menyebabkan tarikh bicara terpaksa dijadualkan semula mengikut tarikh kelapangan kesemua pihak,

f) .Kekosongan jawatan Pengerusi yang tidak diisi dalam tempoh yang lama disebabkan kerapnya berlaku pertukaran Pengerusi ke jabatan lain, Pengerusi yang telah tamat kontrak dan juga Pengerusi yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman juga merupakan penyebab berlakunya bilangan kes tertunggak

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

DARI PADA	<b>DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [ BAYAN BARU ]</b>
PERTANYAAN	<b>LISAN</b>
TARIKH	<b>16.06.2010</b>
SOALAN NO	<b>16</b>

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]** minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah jaminan dan langkah-langkah yang akan diambil supaya kadar inflasi tidak naik selari dengan pertambahan pendapatan rakyat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menitik berat kesejahteraan rakyat dengan memantau rapi perkembangan luaran dan domestik bagi menilai kesannya kepada pertumbuhan ekonomi dan inflasi negara.

2. Ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan pada suku tahun pertama 2010. Selari dengan pemulihan ekonomi dunia, kadar inflasi bagi tahun 2010 telah mencatatkan 1.3% bagi tempoh empat bulan pertama, antara yang terendah di kalangan negara Asean dan serantau. Inflasi keseluruhan pada tahun 2010 dijangka kekal sederhana pada kadar purata 2% - 2.5%, yang mencerminkan ekonomi negara bertambah baik dengan kestabilan harga.

**Pelaksanaan Model  
Ekonomi Baru (NEM) oleh Kerajaan merupakan pelan jangka**

masa panjang bertujuan meningkatkan pendapatan rakyat secara berperingkat yang berasaskan produktiviti dan inovasi. Justeru itu, pergerakkan harga dijangka tidak akan meningkat secara mendadak dan membebankan rakyat.

3. Kerajaan amat prihatin terhadap sebarang beban kenaikan harga yang ditanggung oleh rakyat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Kerajaan akan sentiasa memantau pergerakan harga supaya ia tidak menjejas kehidupan harian rakyat terutama golongan mudah terjejas. Kerajaan juga akan meneruskan langkah-langkah yang merangkumi penyediaan insentif dan subsidi, bertujuan mengurangkan kesan kenaikan harga dan beban supaya dapat menjamin kesejahteraan rakyat Malaysia.

**SOALAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI**

**HAMZAH [JASIN]**

**TARIKH**

**: 16 JUN 2010 (RABU)**

**SOALAN**

**47**

**DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dengan membuat penelitian terhadap pemberian kontrak 'crash cushion' di laluan persekutuan kepada satu syarikat sahaja yang diimport dari luar negara, berapakah nilai kontrak yang diberikan kepada syarikat berkenaan dan tempoh perjanjian lain yang mematuhi piawaian yang diperlukan.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Crash Cushion* adalah merupakan satu peralatan yang dipasang di jalan raya yang bertujuan untuk meningkatkan aspek keselamatan dengan mengurangkan impak kemalangan jalan raya disebabkan oleh kenderaan terbabas di kawasan gore sesuatu jalan susur atau persimpangan yang mempunyai halangan. Kemalangan di kawasan ini boleh meningkatkan risiko kemalangan parah dan maut sekiranya kenderaan terbabas dan menghentam halangan berkenaan. Pemasangan *Crash Cushion* adalah bergantung kepada isipadu trafik, had laju kenderaan, data kemalangan dan potensi terjadinya kemalangan berdasarkan geometri sesuatu jalan susur atau persimpangan tersebut.

Menyedari keperluan pemasangan *Crash Cushion* adalah penting bagi mengurangkan kemalangan maut di Jalan Persekutuan, Kementerian telah melaksanakan perolehan secara tender terbuka bagi projek “Membekal Dan Memasang *Crash Cushion* Di Jalan Persekutuan Di Seluruh Negara Dalam Tempoh Lima (5) Tahun” yang melibatkan sebanyak 268 lokasi. Kontrak ini telah ditawarkan kepada Syarikat RR Road & Bridge Builders Sdn. Bhd. dengan jumlah sebanyak RM29.6 juta untuk tempoh lima (5) tahun iaitu bermula dari 1 September 2004 dan berakhir pada 1 September 2009. Kontrak ini telah ditawarkan kepada kontraktor tersebut kerana harga yang telah ditawarkan munasabah dan kompetitif berbanding petender-petender yang lain. Pemilihan *Crash Cushion* jenis QuardGuard juga telah dibuat setelah pelbagai ujian keberkesanan sistem dijalankan bagi

memastikan iaanya mencapai standard dan piawaian yang telah ditetapkan. Antaranya ialah ujian *National Cooperative Highway Research Program (NCHRP) Report 350, Test Level 3* yang diuji dari aspek *structural adequacy, occupant risk dan vehicle trajectory* serta dapat menahan hentaman kenderaan ringan dengan kelajuan 110 kilometer/jam.

Pada masa hadapan, pihak Kementerian tiada halangan sekiranya terdapat cadangan untuk membekal dan memasang *Crash Cushion* dari jenis yang lain dengan syarat peralatan tersebut perlu menepati spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan. Ini adalah untuk menjamin peralatan tersebut berkualiti, berkesan dan selamat untuk digunakan.

No:1%

**PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN MAN IKAV AS AG AM A/L SUNDARAM [KAPAR]**

**TARIKH : 16 JUN 2010**

**SOALAN [18] : Tuan Manikavasagam A/L Sundaram  
(Kapar) minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan status terkini mengenai**

implementasi komitmen Kerajaan dalam Majlis Hak Asasi Manusia PBB berkenaan komitmen Malaysia untuk menerima lawatan rasmi daripada *UN Working Group On Arbitrary Detention*.

I

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ke atas soalan yang telah dikemukakan.**

**2. Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat bahawa Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk menerima cadangan *UN Working Group on Arbitrary Detention (WGAD)* untuk membuat lawatan kerja ke Malaysia. Keputusan ini telah dimaklumkan kepada pihak WGAD pada 25 Februari 2010. Selanjutnya, WGAD telah bersetuju untuk mengadakan lawatan kerja ke Malaysia dari 7 hingga 18 Jun 2010.**

**Sekian terima kasih.**



# **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

## **PERTANYAAN**

DARI PAD A LISAN TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING

## KAWASAN

**TARIKH** **KULAI** **16.06.2010 (RABU)**

NO. SOALAN 19

## **SOALAN:**

TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [ Kulai ] mInta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah perancangan untuk menghadapi liberalisasi AFTA dalam sektor perkhidmatan khasnya bagi pelantikan konsultan untuk kerja Kerajaan dan sama ada konsultan bukan Bumiputera diberi layanan yang sama dengan konsultan asing.

Liberalisasi sektor perkhidmatan di ASEAN telah dilaksanakan secara progresif mulai tahun 1995 melalui Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Bidang Perkhidmatan (ASEAN Framework Agreement on Services-AFAS). AFAS ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Ministers- AEM) pada 15 Disember 1995 di Bangkok, Thailand, ia merupakan satu persediaan bagi mewujudkan satu Komuniti Ekonomi ASEAN pada 2015 dengan antaranya pembukaan pasaran perkhidmatan di antara anggota-anggota ASEAN dan dengan itu mempertingkatkan daya kompetitif rantau ini.

Sehingga kini, Negara-negara Anggota ASEAN termasuk Malaysia telah membuat komitmen dalam sekurang-kurangnya 65 sub-sektor dibawah tuiuh pakei komitmen AFAS dari tahun 1995 hingga 2009.

AFAS tiada kaitan dengan pelantikan konsultan untuk keria kerajaan samada bagi konsultan Bumiputera atau bukan Bumiputera. Malaysia hanya membenarkan akses pasaran yang lebih luas bagi aktiviti-aktiviti perkhidmatan yang dikenalpasti telah bersedia dan boleh bersaing dalam pasaran ASEAN yang lebih besar. Pembukaan pasaran juga dilakukan agar pasaran tempatan dapat meraih manfaat ekonomi dan sosial dengan:

- peningkatan nilai pelaburan asing;
- proses perpindahan teknologi tinggi; dan
- kemasukan tenaga pakar dalam bidang-bidang pengkhususan tertentu.

Pada masa yang sama, Negara-negara Anggota ASEAN yang lain turut membuka pasaran perkhidmatan masing-masing termasuk dalam sektor perkhidmatan konsultan/rundingan. Pembekal-pembekal perkhidmatan tempatan digalakkan mengambil peluang ini untuk meluaskan jaringan pasaran dan perniagaan sedia ada.

No:20

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA** **DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
(MARANG)**

**PERTANYAAN**

**TARIKH** **LISAN**  
**2010** **16.06.**

**SOALAN NO** **20**

**Dato' Seri Abdul Hadi Bin Awang (Marang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-**

- a) peratus kebergantungan Kerajaan terhadap hasil petroleum negara dalam perbelanjaan Kerajaan dan
- b) langkah-langkah dari pihak kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan itu kepada hasil petroleum negara beserta nilaiannya yang bakal diperolehi.

**Jawapan:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hasil berkaitan petroleum menyumbangkan sebanyak 41.4% kepada jumlah keseluruhan hasil dan meliputi 31.8% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2009. Hasil berkaitan petroleum ini tidak kesemuanya

bergantung kepada sumber domestik. Bagi Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), sebanyak 42.1% daripada jumlah hasilnya pada tahun kewangan 2009 disumbangkan daripada operasi antarabangsanya.

Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi yang akan membantu meningkatkan daya saing serta prospek pertumbuhan ekonomi. Langkah-langkah berkenaan yang dirancang di bawah Program Transformasi Ekonomi ini termasuk mencerdaskan sektor swasta, mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing, dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mapan berdasarkan peningkatan inovasi, nilai ditambah dan produktiviti. Usaha menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) akan diteruskan. Langkah-langkah tersebut akan mencergaskan lagi pertumbuhan ekonomi dan seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan hasil cukai Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, Kerajaan sedang berusaha untuk memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk memperluaskan asas cukai dan meningkatkan pematuhan membayar cukai yang akan menyumbang kepada peningkatan kutipan cukai. Di samping itu, syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan yang menunjukkan prestasi kewangan yang baik akan diminta membayar dividen yang sewajarnya kepada Kerajaan. Kerajaan juga mengambil langkah untuk mengurang atau menjual milikan dalam syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan.

Hasil juga akan dapat dijana melalui *monetisation* aset Kerajaan yang sesuai. Kecekapan pemungutan hasil akan terus dipertingkatkan melalui penggunaan teknologi maklumat (IT).

Selain daripada itu, perbelanjaan berhemat dan perolehan Kerajaan yang cekap akan terus diberi penekanan untuk mengelakkan pembaziran dan memastikan nilai setimpal (*value for money*). Kerajaan juga sedang mengkaji penstrukturran semula pemberian subsidi untuk lebih tertumpu (*well targeted*) pada golongan mudah terjejas. Penstrukturran subsidi ini mampu memberi penjimatan kepada perbelanjaan Kerajaan.

Tuan Yang DiPertua,

Dengan langkah-langkah untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi dan seterusnya sumber hasil, kutipan hasil cukai Kerajaan dijangka akan meningkat. Ini akan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada sumber hasil berkaitan petroleum pada masa hadapan.

NO. SOALAN: yi

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2010)**

---

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI PADA**

**Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI  
MOHAMED (KUALA KRAU)**

**TARIKH**

**16 JUN 2010**

**SOALAN :**

Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed (Kuala Krau) minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan imej Bahagian Penguatkuasaan hal ehwal islam khususnya Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) supaya setanding dengan badan penguatkuasaan lain seperti polis dan sebagainya.

**JAWAPAN:** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka dan prihatin serta dari semasa ke semasa mengambil beberapa langkah bagi memperkasa dan memantapkan lagi Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) termasuk Jabatan

**Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Langkah-langkah yang telah diambil antara lain ialah :**

- i) mewujudkan Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 dan dijadikan sebagai garis panduan penguatkuasaan kepada Penguatkuasa Agama negeri-negeri;
- ii) menyediakan Kod Etika Pegawai Penguatkuasa Agama 2008;
- iii) menggubal beberapa garis panduan iaitu :
  - a) permohonan dan pelaksanaan Waran Tangkap di luar bidang kuasa;
  - b) permohonan dan pelaksanaan Waran Geledah;
  - c) peraturan bilik tahanan sementara di JAIN seluruh Malaysia; dan
  - d) tatacara penguatkuasaan dan tangkapan oleh Pegawai Masjid.
- iv) menggubal Modul Latihan Penguatkuasaan Syariah;
- v) merancang dan melaksanakan kursus dan latihan dengan kerjasama PDRM dan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP);
- vi) mewujudkan sistem e-jinayat yang digunakan oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan JAIN seluruh Malaysia;
- vii) menyelaras borang-borang yang digunakan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIN seluruh Malaysi; dan
- viii) Kajian Pakaian Seragam Penguatkuasa Agama seluruh Malaysia.

Pada masa ini juga, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang menyediakan kertas dasar ke arah penubuhan Jabatan Penguatkuasaan Syariah yang berasingan dan dipisahkan dari JAIN sepetimana penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Jabatan Mufti. Ini sekaligus dapat membina imej dan identiti tersendiri dalam melaksanakan fungsi penguatkuasaan syariah dengan lebih efektif dan berkesan serta menyakinkan masyarakat terhadap kemampuan institusi agama melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Bagi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Bahagian Penguatkuasaan telah dipertingkatkan dengan ditambah bilangan perjawatan yang sedia ada dari 49 orang kepada 128 orang iaitu bagi Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Selain dari itu, kerjasama bersama agensi penguatkuasaan yang lain seperti pihak Polis, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Imigresen di dalam menjalankan operasi bersepadu juga turut meningkatkan imej dan tanggungjawab Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan,

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                   **LISAN**  
**DARIPADA** :     TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ]  
**TARIKH**               :     16 JUN 2010 (RABU)

**SOALAN**               :

Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kadar tol yang ditetapkan untuk Jambatan Kedua Pulau Pinang selepas ia dibina dan adakah kadar tol Jambatan Pulau Pinang yang sedia ada akan dikaitkan dengan jambatan kedua atau pun kadar tol tidak akan dikenakan selepas konsesi jambatan pertama berakhir.

**JAWAPAN:**

**Kadar tol bagi Jambatan Pulau Pinang Kedua berdasarkan 7 kelas pada tahun 2013 setelah siap beroperasi adalah seperti berikut:**

<b>Kelas Kenderaan</b>	<b>Kadar Tol 2013 (RM)</b>
<b>Kelas 1 (Motorsikal)</b>	<b>1.90</b>
<b>Kelas 2 (Kereta, teksi &amp; van 2 ganda 4 roda kecuali MPV)</b>	<b>9.40</b>
<b>Kelas 3 (Lori 2 gandar 4 roda termasuk pick up &amp; SUV)</b>	<b>16.20</b>
<b>Kelas 4 (Lori 2 gandar 6 roda, van 2 gandar 6 roda &amp; bas 2 gandar 6 roda)</b>	<b>33.60</b>
<b>Kelas 5 (Lori 3 gandar)</b>	<b>60.60</b>
<b>Kelas 6 (Lori 4 gandar)</b>	<b>80.80</b>
<b>Kelas 7 (Lori 5 gandar)</b>	<b>100.90</b>

**Kadar tol yang ditetapkan di Jambatan Pulau Pinang Kedua adalah selaras dengan kadar tol yang akan dikenakan di Jambatan Pulau Pinang Pertama sehingga tamat tempoh perjanjian**

konsesi jambatan pertama. Disebabkan jumlah pelaburan sebanyak RM4.500 juta dan tempoh konsesi selama 45 tahun, tol akan tetap dikenakan di Jambatan Pulau Pinang Kedua selepas konsesi jambatan pertama tamat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' NORAINI BINTI AHMAD</b>
	<b>(PARIT SULONG)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16.06.2010 (RABU)</b>
<b>NO. SOALAN</b>	<b>23</b>

**DATO' NORAINI BINTI AHMAD ( PARIT SULONG ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan jumlah syarikat yang menjalankan skim 'smart kutu' dan apakah tindakan Kementerian dalam memastikan penyelewengan skim ini tidak berlaku.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memantau secara serius aktiviti penganjuran skim 'smart kutu' yang sedang hangat disiarkan oleh media massa sejak bulan Jun 2009 di bawah peruntukan Akta (Larangan) Wang Kutu 1971.

Setakat ini, biiangan penganjur dan agen skim ‘smart kutu’ yang telah dikenalpasti berdasarkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan SSM adalah sebanyak tujuh (7) perniagaan.

Bagi membendung aktiviti skim ‘smart kutu’ ini, SSM telah mengambil langkah-langkah pro-aktif seperti berikut:

- (a) Meningkatkan kesedaran orang ramai melalui siaran akhbar berkenaan kesalahan menganjurkan skim kutu serta kesan buruk aktiviti tersebut kepada ekonomi negara dalam jangka masa panjang;
- (b) Memastikan maklumat yang tepat dapat disampaikan terus kepada orang ramai melalui pengajuran program ‘outreach’ dengan kerjasama agensi-agensi lain; dan
- (c) Mengadakan sesi perjumpaan dengan pihak penganjur skim untuk memberi penjelasan berhubung kesalahan menganjurkan skim ‘smart kutu’ serta menasihatkan para penganjur dan agen masing-masing supaya menghentikan dengan serta merta sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang.

NO. AUM : 16

NO. AUP :

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR**

**[ JERAI ]**

**TARIKH**                   **16 JUN**                   **2010**

**RUJUKAN**               **2711**

**Soalan:**

**Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] meminta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah peruntukan kepada PDRM bagi menjalankan aktiviti latihan pembangunan sumber manusia anggotanya dan senaraikan jumlah peruntukan mengikut kategori latihan bagi tahun 2009 dan 2010.**

**Jawapan:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan bagi tujuan aktiviti latihan pembangunan sumber manusia PDRM dalam tahun 2009 adalah sebanyak RM 39,888,838.36 dan peruntukan dalam tahun 2010**

**sebanyak RM 15,342,459.52**

**Program latihan PDRM terbahagi kepada empat (4) kategori utama iaitu Latihan Asas, Latihan Kemahiran dan Kepakaran, Latihan Pembangunan serta Latihan Pemulihan dan Remedial. Latihan Asas diperuntukkan sebanyak RM12,442,598.00 pada tahun 2009 dan RM7,495,083.00 pada tahun 2010. Latihan Kemahiran dan Kepakaran diperuntukkan sebanyak RM23,002,933.00 pada tahun 2009 dan RM5,573,209.92 pada tahun 2010. Latihan Pembangunan diperuntukkan sebanyak RM1,877,029.00 pada tahun 2009 dan RM2,234,166.60 pada tahun 2010 serta Latihan Pemulihan dan Remedial diperuntukkan sebanyak RM812,182.00 pada tahun 2009 dan RM40,000.00 pada tahun 2010.**

**PDRM akan mengkaji dari masa ke semasa keperluan latihan yang bersesuaian dengan tanggungjawab anggota Polis bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan.**

**LISAN PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP**

**BIN**

**BUMBURING @ WILFRED [ NO. AUM : 13**

**TARIKH**

**TUARAN ] NO. AUP : QT**

**RUJUKAN**

**16**

**JUN 2010**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**2710**

**SOALAN:**

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [ Tuaran ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keterangan selanjutnya mengenai kenyataan Jabatan Pendaftaran Negara bahawa tiada MyKad telah diberi kepada pendatang haram sedangkan adalah menjadi fakta dengan bukti bahawa beribu pendatang haram di Sabah telah memperolehi kad kerakyatan.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan hanya mengeluarkan Kad Pengenalan MyKad kepada warganegara yang layak mengikut Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990, Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) dan Perlembagaan Persekutuan. Adalah disahkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara tidak pernah mengeluarkan Kad Pengenalan kepada pendatang haram atau mana-mana orang yang tidak mempunyai status taraf warganegara.**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat bukti bahawa beribu-ribu pendatang haram di Sabah yang dikeluarkan MyKad sepetimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuaran, Kementerian memohon kerjasama Ahli Yang Berhormat supaya memberi maklumat-maklumat lengkap terus kepada saya untuk disiasat dan diambil tindakan tegas terhadap pegawai-pegawai yang dimaksudkan.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARI PADA :** Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH (KOTA  
BHARU)

**TARIKH :** 16.06.2010

**SOALAN:**

Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH [ KOTA BHARU]  
minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh  
Kerajaan dalam mempertingkatkan perkhidmatan guru-guru dalam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan pelbagai latihan dalam perkhidmatan yang berterusan kepada guru-guru dalam mempertingkatkan perkhidmatan demi meningkatkan lagi tahap profesionalisme dan kompetensi mereka. Antaranya ialah dengan mengikuti:

- i. Kursus Peningkatan Profesionalisme -14 minggu;
- ii. Kursus Sijil Perguruan Khas (KSPK) 1 Tahun;
- iii. Kursus Dalam Perkhidmatan 8 Minggu Latihan Guru Sekolah Bestari untuk guru- guru Sains, Matematik, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu;
- iv. Program ICT untuk guru dan pensyarah;
- v. Program Bahasa Inggeris;

- vi. **Program One Off Luar Negara - kursus pendek tidak melebihi 2 minggu ke luar negara untuk guru-guru dalam bidang-bidang tertentu; dan**
- vii. **Program Latihan Guru dan Peningkatan Guru Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).**

No: 27

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA** DATUK JUSLIE BIN AJIROL ( LIBARAN )

**PERTANYAAN :** LISAN

**TARIKH** 16.06.2010

**SOALAN NO** 27

**Datuk Juslie bin Ajirol ( Libaran ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sejauh manakah institusi kewangan Islam di negara ini dapat memainkan peranan dalam perindustrian negara-negara Islam bagi membolehkannya menghadapi cabaran masa depan dalam sistem kewangan global.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang mempunyai sektor kewangan Islam yang komprehensif dilengkapi oleh semua komponen yang diperlukan oleh sesebuah sistem kewangan yang berdaya maju iaitu perbankan Islam, takaful, pasaran modal dan ekuiti Islam yang disokong oleh sistem perundangan yang mantap. Prasarana ini mampu menjadi pemangkin

kepada kemajuan negara-negara Islam lain khususnya dalam pembangunan kewangan Islam melalui kerjasama erat yang berterusan di antara badan-badan pengawal selia, institusi-institusi kewangan Islam, institusi-institusi sokongan dan agensi kerajaan yang berkaitan.

2. Malaysia juga turut menjadi pusat penerbitan utama sukuk di dunia dengan 63% sukuk belum matang di terbitkan dari Malaysia pada tahun 2009. Sukuk berperanan menyediakan kemudahan pembiayaan pembangunan bagi aktiviti-aktiviti produktif untuk merancakkan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Di Malaysia, sukuk telah membiayai projek prasarana seperti pelabuhan, lebuh raya, stesen janakuasa dan telekomunikasi. Industri kewangan Islam berperanan menggalakkan negara-negara Islam untuk menerbitkan sukuk bagi membiayai pembangunan negara mereka.

3. Dalam menghadapi cabaran kewangan global, profesional kewangan Islam perlu dilengkapi dengan kemahiran dan pendedahan yang secukupnya dalam kewangan Islam. Oleh itu, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) turut memainkan peranan di peringkat antarabangsa dengan melatih profesional dalam industri kewangan Islam melalui khidmat latihan dan runding cara. Sebagai contoh, IBFIM telah menawarkan perkhidmatan kepada Da Afghanistan Bank di bawah projek pembangunan Afghanistan (FAIDA) dengan United States Agency for International Development (USAID). Selain itu, IBFIM juga berperanan untuk mewujudkan bank Islam pertama di bawah projek Kyrgyzstan. Bank Negara Malaysia juga mengambil inisiatif dengan memberi khidmat latihan kepada pegawai dari bank- bank pusat dari negara-negara Islam yang lain.

**Antara program yang disediakan ialah kursus asas dan bengkel kewangan Islam di mana terdapat 43 peserta dari negara-negara Islam telah mengikuti program tersebut pada tahun 2009.**

**4. Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) ditubuhkan di Malaysia bertujuan untuk membangunkan modal insan bagi menyokong pembangunan kewangan Islam dalam melahirkan kumpulan tenaga kerja mahir dan pakar Syariah melalui pendidikan tinggi dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan Syariah. Kini, INCEIF telah diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa dalam kewangan Islam di mana sehingga Mei 2010 seramai 1,437 pelajar dari 32 negara-negara Islam telah berjaya mengikuti program Chartered Islamic Finance Profesional (CIFFP), Sarjana dalam Kewangan Islam dan Doktor Falsafah dalam kewangan Islam. Di samping itu, Bank Negara Malaysia melalui Dana Ilmuwan Syariah dalam Kewangan Islam telah pun menghadiahkan biasiswa berjumlah RM 6.1 juta kepada 125 pelajar di dalam dan luar negara bagi mengikuti program CIFFP secara sepenuh masa di INCEIF sehingga hari ini. INCEIF juga mempunyai hubungan strategik dengan Reading University, United Kingdom dalam membangunkan tenaga mahir dan kepakaran dalam kewangan Islam.**

**5. Krisis kewangan yang melanda dunia baru-baru ini telah membuka peluang yang luas kepada sektor kewangan Islam sebagai salah satu alternatif penting kepada sistem kewangan global berbanding institusi kewangan konvensional. Sektor kewangan Islam mencatatkan pertumbuhan positif semasa krisis kewangan global**

**sedang memuncak di mana sektor perbankan Islam merekodkan kadar pertumbuhan aset tahunan purata sebanyak 19.0% bagi tahun 2008 hingga 2009. Pertumbuhan ini menunjukkan daya tahan dan kemantapan sistem kewangan Islam untuk menghadapi kejutan kewangan di samping keupayaan meningkatkan kestabilan sistem kewangan Malaysia.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>BAGI JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16 Jun 2010 (Rabu)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>28</b>

**Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Jabatan Laut dan Marin kepada lebih 50 buah kapal dan kapal minyak yang berlabuh dan tidak beroperasi di kawasan laut Labuan dan Sipitang yang akhirnya akan dihapuskan. Berapakah hasil yang diperolehi daripada Jabatan tersebut.

**JAWAPAN Tuan**

Yang DiPertua,

Pada masa ini, terdapat 5 buah kapal yang dibenarkan berlabuh di kawasan perairan “laid-up anchorage” Labuan. Manakala di Sipitang pula terdapat lebih kurang 50 buah kapal yang berlabuh di kawasan perairan “laid-up anchorage”. Untuk makluman, pelabuhan Labuan berada di bawah kawal seliaan Jabatan Laut Malaysia sementara pelabuhan Sipitang berada di bawah kawal seliaan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Negeri Sabah (JPDS), Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sabah. Kapal-kapal yang berlabuh di situ masih mempunyai pemilik dan bukan bertujuan untuk dilupus atau dihapuskan oleh Jabatan Laut. Sebaliknya kapal berkenaan berada di situ adalah secara sementara sahaja memandangkan kepada keadaan ekonomi semasa yang kurang memberansangkan dan akan kembali berlayar sebaik sahaja keadaan ekonomi pulih dan terdapat permintaan bagi pengangkutan kargo ke atas kapal-kapal berkenaan.

Justeru itu, kutipan hasil dari pelupusan kapal-kapal tersebut oleh Jabatan Laut tidak berbangkit. Hasil yang dikutip oleh Jabatan Laut Malaysia hanyalah bagi bayaran caj dius api daripada kapal-kapal yang masuk ke dalam perairan Malaysia. Semenjak tahun 2008, Jabatan Laut telah mengutip sebanyak RM358.852.00 dari kapal-kapal yang berada di kawasan anchorage Labuan dan Sipitang. Manakala caj bagi “laid-up anchorage” di Sipitang, dikutip oleh Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Negeri Sabah.

**NO. AUM : 6**

**NO. AUP :31°[**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]

**TARIKH** 16 JUN 2010

**RUJUKAN** 2709

**SOALAN:**

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dengan berlaku beberapa kes sensasi mengenai masalah anggota polis, adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menjalankan satu kajian sikap anggota polis atau kajian psikologi terhadap anggota polis atau kajian psikologi terhadap keselamatan kita akibat daripada tekanan masyarakat yang sering menyalahkan anggota polis apabila berlaku

**kesilapan seolah-olah mereka tidak pernah berjasa kepada rakyat.**  
**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sibuti yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian sedar PDRM kebelakangan ini sering menerima kritikan dari masyarakat yang mengaitkan beberapa insiden yang tidak diingini dengan ketidakcekapan anggota polis.**

**Dalam hal ini saya menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat Sibuti mengenai situasi yang dialami oleh sebilangan anggota- anggota polis terutamanya apabila sering dikritik dan dipersaiahkan oleh masyarakat akibat berlakunya beberapa kejadian yang tidak diingini sejak kebelakangan ini.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak PDRM sedang menjalankan kajian “Pemantapan Integriti dan Disiplin dalam PDRM”. Kajian ini yang meliputi semua peringkat penyelia iaitu dari peringkat Ketua Polis Daerah hingga ke Ketua Polis Balai dijalankan di Lembah Kelang bermula dari 17 hingga 27 Mei 2010. Hasil kajian berkenaan dijangka diperolehi pada akhir bulan Jun 2010.**

**SOALAN ( 30 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH** : **16 JUN 2010 (RABU)**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN**  
**(PENGKALAN CHEPA)**

**SOALAN**

**Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN (PENGKALAN CHEPA) minta  
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan**

- (a) apakah Kementerian sedang membuat persediaan dalam bentuk kajian dan sebagainya bagi membolehkan akhirnya pilihan raya tempatan diadakan ; dan
- (b) apakah ada usaha-usaha yang serius di pihak Kementerian untuk mengatasi isu projek perumahan yang terbengkalai dengan menilai semula bentuk perjanjian antara pembeli dengan pemaju dan pembiaya (bank) agar pembeli/rakyat tidak tertindas dan senantiasa didahulukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) memperuntukkan mengenai penggantungan pilihan raya Kerajaan Tempatan. Bagi negeri Sabah dan Sarawak pula, Ordinan Kerajaan Tempatan 1996 bagi negeri Sarawak dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 bagi negeri Sabah pula tidak mempunyai peruntukan mengenai pilihan raya Kerajaan Tempatan.  
Kerajaan telah memutuskan tiada keperluan untuk mengembalikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Pilihan raya Kerajaan Tempatan bukanlah faktor yang menentukan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kecekapan PBT adalah berdasarkan gabungan pelbagai faktor seperti kepimpinan yang dinamik, tenaga kerja yang mahir



dan terlatih, proses dan prosedur kerja yang cepat dan mudah, perancangan bandar yang mampan, keseragaman undang-undang dan peraturan, pengurusan sumber hasil dan kewangan yang cekap dan pelaksanaan projek pembangunan yang berkesan.

Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri mempunyai bidang kuasa melalui Akta 171 untuk melatih sesiapa sahaja sebagai Ahli Majlis mengikut Seksyen 10 Akta tersebut. Manakala Seksyen 10 *Local Government Ordinance 1961* (Sabah No 11 of 1991) dan Seksyen 13 *Local Authorities Ordinance 1996* (Chapter 20) memperuntukkan perkara yang sama di Sabah dan Sarawak. Peruntukan-peruntukan ini sebenarnya memberi kelebihan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri tanpa perlu mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

- (b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam proses penambahbaikan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dengan meminda beberapa peruntukan di bawah Akta dan Peraturan termasuk pindaan kepada Perjanjian Jual dan Beli demi menjaga kepentingan pembeli.

Format Perjanjian Jual dan Beli (PJB) perumahan di antara pembeli dengan pemaju diperuntukkan di bawah peraturan 11(1) dan peraturan 11(1 A) Peraturan Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989. Pihak KP KT sentiasa melindungi hak-hak pembeli dan pemaju dengan menambahbaik peraturan semasa berkaitan dengan perjanjian jual beli.

Di antara pindaan yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut

- (i) Memberi hak kepada pembeli menamatkan Perjanjian Jual dan Beli secara statutori sekiranya tiada kemajuan di tapak selepas tempoh enam (6) bulan daripada tarikh perjanjian ditandatangani. Ini adalah untuk membolehkan pembeli

menamatkan Perjanjian Jual Beli secara statutori tanpa memerlukan persetujuan daripada 75% pembeli sebagaimana amalan biasa.

- (ii) Meminda Jadual Pembayaran Harga Beli (Jadual Ketiga) dalam Perjanjian Jual dan Beli (Jadual G dan Jadual H) agar pembayaran berperingkat (*progressive payment*) dibayar dengan peratusan yang lebih tinggi. Ini bertujuan supaya pemaju tidak dibayar peratusan yang lebih tinggi di peringkat awal tetapi di bayar di peringkat akhir pelaksanaan projek.
- (iii) Cadangan mewujudkan peruntukan khas di bawah Akta 118 bagi membolehkan tindakan pendakwaan diambil terhadap pemaju yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh perjanjian yang ditetapkan demi menjaga hak dan kepentingan pembeli.

**Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan**

**Jun 2010**

**DATUK IR HAJI DARIPADA  
BATU)**

**IDRIS BIN HAJI HARON (TANGGA NO:  
31**

**LISAN PERTANYAAN**

**16.06.2010 TARIKH PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
31 SOALAN NO DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron (TANGGA BATU)**  
minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bilakah Rang Undang-Undang GST akan dibentangkan di Parlimen memandangkan negara bakal menghadapi kekangan hasil di masa akan datang dan juga memerlukan punca pendapatan yang pelbagai di dalam mengekalkan keseimbangan pendapatan dan perbelanjaan negara.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih belum lagi menetapkan tarikh bacaan kali kedua dan seterusnya Rang Undang-Undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 yang telah dibaca buat kali pertama pada 16 Disember 2009. Kerajaan sebenarnya sedang di dalam proses menjalankan program

penerangan dan kesedaran GST kepada rakyat. Program-program yang dijalankan ini diharap dapat memberi kefahaman yang baik kepada rakyat mengenai mekanisme dan model pelaksanaan GST dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan di dalam menangani sebarang isu berbangkit dari pelaksanaan GST. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang mengumpul maklumbalas dan pandangan rakyat mengenai GST.

Kerajaan sedar akan keperluan untuk melaksanakan GST di dalam masa terdekat kerana GST adalah merupakan satu daripada langkah di bawah dasar fiskal untuk menstabilkan kutipan hasil negara. Ini adalah perlu supaya negara tidak terlalu bergantung kepada sumber hasil daripada cukai pendapatan petroleum. Negara juga perlu membuat persediaan jangka panjang bagi menstabilkan kedudukan kewangan negara khususnya dalam usaha untuk mencapai status negara maju yang berpendapatan tinggi sebagai mana yang dihasratkan oleh Kerajaan di bawah model ekonomi baru.



SOALAN NO: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN** **MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**  
**DARIPADA :** **LISAN**  
**DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN**  
**TARIKH** **[PENDANG]**  
**SOALAN** **16 JUN 2010**

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah usaha Kerajaan di dalam memastikan bahawa semua bahan makanan import baik segar atau kering yang diimport selamat untuk di makan seperti berlaku kepada kesan melamine dan formalin untuk susu dan ikan sejuk beku. Apakah tindakan yang telah dikenakan kepada pelaku kesalahan ini dan syarikat terbabit dan bagaimana pemantauan yang dilakukan supaya ianya tidak akan berulang lagi.

## Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memastikan bahawa semua makanan yang diimport adalah selamat dimakan oleh rakyat Malaysia. KKM sentiasa menjalankan program pemantauan dan surveilan ke atas semua jenis makanan (termasuk yang segar dan kering) di setiap pintu masuk negara melalui pendekatan berdasarkan risiko. Dengan pendekatan ini semua makanan dikategorikan kepada enam (6) jenis tahap pemeriksaan mengikut risiko, di mana peningkatan tahap pemeriksaan sesuatu makanan akan menjurus kepada tindakan pemeriksaan yang lebih ketat. Melalui pendekatan ini, produk makanan yang disyaki tercemar atau telah mempunyai sejarah pencemaran yang diimport dari sebarang negara akan disasarkan untuk tindakan pemeriksaan dan pensampelan. Kaedah ini dibantu oleh Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (*Food Safety Information System of Malaysia - FoSIM*) iaitu merupakan satu sistem elektronik berdasarkan jaringan sesawang yang menghubungkan pintu masuk, makmal negeri,

KKM dan juga berantaramuka dengan Sistem Maklumat Kastam (SMK) daripada Kastam Diraja Malaysia (KDRM).

KKM sentiasa perihatin akan isu-isu keselamatan makanan. Isu pencemaran melamine di dalam susu dari negara China dan isu formaldehid di dalam ikan telah ditangani dengan baik dan kawalan ke atasnya masih dikenalkan di semua pintu masuk negara. Di samping itu, pemantauan dan kawalan keselamatan makanan juga dilakukan terhadap bahaya (*hazard*) makanan yang lain.

Tuan Yang Dipertua,

Berkaitan tindakan yang dikenakan kepada pengimport yang membawa masuk makanan yang tidak selamat, Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengarahkan produk makanan terbabit dilupuskan atau dieksport semula ke negara asal bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Apabila kesalahan tersebut melibatkan aspek keselamatan makanan yang boleh membahayakan kesihatan awam, tindakan pelupusan akan dilakukan manakala jika kesalahan hanya melibatkan aspek kualiti dan standard, ianya akan dieksport semula ke negara asal atau negara lain yang boleh menerima (di atas permohonan pengimport). Jika kesalahan terbabit kerap kali dilakukan oleh pengimport yang sama, maka di samping produk dilupuskan atau dieksport semula, tindakan mahkamah akan dikenakan ke atasnya.

Sehubungan dengan itu, produk makanan, negara asal, pengeksport dan pengimport terlibat akan disenarai hitamkan di mana konsainmen berikutnya yang diimport akan dikenakan tindakan Pemeriksaan Tahap 5 (Tahan, Uji & Lepas) melalui FoSIM. Ini bermakna konsainmen tersebut perlu ditahan terlebih dahulu untuk diambil sampel bagi tujuan analisa dan jika didapati mematuhi perundangan makanan negara, ianya akan dibenarkan untuk jualan di pasaran tempatan.

NO. SOALAN: 33

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA :

TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH

16 JUN 2010

#### SOALAN

Tuan Alexander Nanta Linggi [ Kapit ] minta PERDANA MENTERI menyatakan

peruntukan kewangan bagi maksud pembangunan yang telah diagihkan kepada negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan nyatakan bidang manakah menjadi fokus perbelanjaan yang terbesar. Nyatakan juga, secara khusus jumlah peruntukan bagi daerah Kapit dan Song.

**JAWAPAN:**

Senarai penuh projek yang akan dilaksana dalam tempoh dua tahun pertama RMKe-10 hanya akan dimuktamad pada akhir bulan Ogos 2010. Sehubungan itu, maklumat yang dipohon oleh Y.B. Kapit hanya dapat dikemukakan selepas tarikh tersebut.

**SOALAN NO: 34**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ER TECK HWA

TARIKH: 16 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) bilangan pekerja asing tanpa permit dan senaraikan negara asal serta bidang pekerjaan yang terlibat sejak tahun 2005; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian untuk mengurangkan pergantungan kepada tenaga asing untuk menaikkan pendapatan penduduk tempatan demi mencapai wawasan negara maju.

PR-1232-L38919

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, terdapat 3 kategori pekerja asing tanpa

permit / tanpa izin (PATI). Pertama ialah pekerja asing yang masuk ke negara ni secara haram. Kedua kemasukan mereka ke negara ini melalui Pas Lawatan Sosial dan selepas tamat tempoh, mereka tidak kembali ke negara asal sebaliknya terus tinggal dan bekerja di Malaysia. Yang ketiga, pekerja asing ini masuk secara sah melalui permit kerja tetapi tidak pulang ke negara asal selepas tamat tempoh atau mlarikan diri sebelum permit / kontrak kerja tamat. Kementerian Sumber Manusia (KSM) tidak mempunyai sebarang maklumat berkaitan dengan bilangan pekerja asing tanpa permit dan senarai negara asal

mereka serta bidang pekerjaan yang terlibat. Namun begitu, mengikut Statistik Tahanan Semasa Di Seluruh Depot Imigresen Malaysia pada 1 Jun 2010, terdapat seramai 5875 orang pekerja asing tanpa permit / tanpa izin (PATI) dan mereka berasal dari 37 negara.

Tuan Yang Di Pertua,

(b) Kerajaan secara dasanya komited untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja asing. Kerajaan sentiasa melihat bahawa keperluan pekerja asing di Malaysia adalah bersifat sementara. Pada umumnya kehadiran pekerja asing di negara ini adalah untuk mengisi kekosongan jawatan yang tidak diminati dan diisi oleh pekerja tempatan.

Bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga pekerja asing, Kerajaan telah merangka beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang. Di antara langkah yang dilaksanakan bagi menarik minat pekerja tempatan dan seterusnya menaikkan pendapatan rakyat tempatan adalah seperti berikut:

- i. Memperkenalkan program-program untuk menjayakan Dasar Pendapatan Tinggi (*High Income Policy*) bagi meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan dalam sektor-sektor utama yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi;
- ii. Menggalakkan industri beralih kepada pengeluaran berorientasikan modal melalui dana-dana bantuan Kerajaan, insentif cukai dan lain-lain;

- iii. Mengkaji dan meningkatkan insentif-insentif perkhidmatan yang ditawarkan kepada pekerja tempatan seperti struktur gaji, kemudahan elauan, latihan dan lain-lain;
- iv. Mengadakan perundingan dengan majikan supaya bayaran upah yang lebih tinggi dan lain-lain kemudahan ditawarkan kepada pekerja sebagai tarikan kepada pekerja tempatan. Di samping itu, penempatan industri pembuatan dan perkilangan dibuka di kawasan luar bandar yang mempunyai penawaran tenaga kerja yang tinggi bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam sektor perkilangan dan pembuatan;
- v. Menggalakkan majikan untuk menggunakan kaedah kerja secara *Homeworking* dan kerja separa masa (*part time*) bagi kerja-kerja yang boleh dibuat di luar premis pekerjaan atau dibuat secara *part time* oleh *latent workforce* seperti surirumah, ibu tunggal, belia, OKU dan pesara bagi mengurangkan pengambilan pekerja asing;
- vi. Menggalakkan penggunaan teknologi automasi seperti mesin cantas untuk sektor perladangan, mesin mencuci pinggan mangkuk di restoran dan penggunaan teknologi berdasarkan Industrial Building System (IBS) bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh;
- vii. Memperkuuhkan sistem latihan vokasional dan pendidikan teknikal bagi menghasilkan pekerja yang berkemahiran tinggi yang berpotensi untuk ditawarkan gaji yang tinggi bagi menggantikan secara berperingkat pekerja asing; dan
- viii. Menjalankan Program Penempatan Pekerjaan (3P) di peringkat negeri sebulan sekali dan juga diperingkat daerah. Program ini bertujuan untuk menarik minat pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan dan keperluan industri. Program ini memberi peluang kepada majikan yang berdafitar dalam *Jobsmalaysia* untuk mengadakan *walk in interview*.

Di samping itu, terdapat langkah-langkah lain yang bertujuan untuk mengurangkan pekerja asing seperti berikut:

- i. Membekukan pengambilan pekerja asing dalam sektor perkhidmatan kecuali dalam sub-sektor tukang masak, pekerja pembersihan, pencucian dan pekerja resort peranginan; dan
- ii. Levi pekerja asing dibayar oleh majikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjung Malim ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI**

**PERTANYAAN**                           **JAWAB LISAN DATO\* SERI ONG**  
**DARIPADA**                              **KA CHUAN**

**TARIKH**                                 **16 JUN 2010 (RABU)**  
**SOALAN**                                 **N0.35**

menyatakan bilangan produk telah dihasilkan dari penyelidikan dan pembangunan (R&D) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sejak tahun 2008. Berapa peratus hasil R&D ini telah dikomersialkan dan apakah usaha yang akan diambil untuk meningkatkan pengkomersialan hasil R&D IPTA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009, sebanyak 4,412 projek penyelidikan telah dijalankan oleh IPTA, daripada jumlah tersebut sebanyak 127 produk telah dikomersilkan dan 443 pula berpotensi untuk dikomersilkan. Peratusan hasil R&D yang dikomersialkan adalah sebanyak 2.9 % dan jumlah penjanaan pendapatan adalah sebanyak RM37.6 juta.

Di antara usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan pengkomersilan hasil R&D IPT adalah seperti berikut:

- i.       menubuhkan satu Jawatankuasa Panel Pengkomersilan Hasil-hasil Produk R&D IPT;

- ii. menggalakkan IPT memohon geran pengkomersilan dari MTDC atau modal teroka dari MAVCAP bagi memasarkan hasil R&D mereka ke pasaran tempatan atau global;
- iii. mengadakan kemudahan kepada pihak industri untuk menjalani aktiviti penyelidikan bersama dengan mewujudkan inkubator, pusat teknologi, taman teknologi dan lain-lain;
- iv. mendapatkan komitmen pihak industri supaya proaktif bersama-sama IPTA untuk menjalinkan kerjasama;
- v. mewujudkan kerjasama pintar dalam perkongsian keuntungan harta intelek;
- vi. mewujudkan pangkalan data bersepadan mengenai penyelidikan dan hasil penyelidikan untuk disalurkan dan dihebahkan kepada pihak industri bagi tujuan mewujudkan jalinan kerjasama, mendapatkan pembiayaan dana yang bagi membantu inisiatif ke arah pengkomersialan;
- vii. menggalakkan IPTA menubuhkan syarikat utama (*holding company*) bagi mempergiatkan aktiviti pengkomersialan serta menjalinkan kerjasama dengan industri; dan
- viii. menggalakkan IPTA membayar royalti kepada penyelidik hasil daripada pengkomersialan penyelidikan.



**Soalan No: 36**

**PERTANYAAN**

DARIPADA      PEMBERIT AHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

TARIKH            PERTANYAAN LISAN

YB. TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] 16 JUN 2010

**SOALAN**

**36. PR-1232-L38464**

Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk melarang 'party-hopping' dengan mendapat sokongan dari pihak pembangkang untuk mendapatkan majoriti 2/3 bagi meminda Perlembagaan untuk tujuan tersebut. Sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN BERKENAAN.

**PEMBERITAHUA  
N PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [ KUALA NERUS ]</b>
<b>TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT</b>	<b>16 JUN 2010</b>
<b>SOALAN</b>	<b>NO. 37</b>
<b><u>SOALAN</u></b>	

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR menyatakan adakah penawaran kuasa elektrik Negara memenuhi keperluan permintaan yang akan bertambah itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,  
**Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET)** adalah bertanggungjawab bagi memastikan bekalan elektrik yang mencukupi dan terjamin disediakan berdasarkan unjuran pertumbuhan permintaan bekalan elektrik. JPPPET dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan dianggotai oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah, Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, Suruhanjaya Tenaga, Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Petroliam Nasional Berhad (Petronas), dan Sabah Electricity Sdn. Bhd.

**Bidang**

kuasa Jawatankuasa ini merangkumi perkara-perkara berkaitan bekalan elektrik di Semenanjung dan Sabah.

Pada masa ini, kedudukan bekalan tenaga elektrik di Semenanjung adalah mencukupi dengan keupayaan terpasang sebanyak 21.817MW. Manakala, permintaan puncak atau *peak demand*, dengan izin yang telah dicatatkan setakat 24 Mei 2010 adalah pada paras 15,072 MW. Dengan itu, kedudukan rizab margin pada masa ini berada pada paras 45% di Semenanjung.

Kedudukan permintaan dan penawaran bekalan elektrik ini dikaji dan dipinda setiap suku tahun dengan mengambil kira perubahan dalam kadar pertumbuhan permintaan bekalan elektrik yang dipengaruhi oleh kadar pertumbuhan ekonomi negara. Kajian berpenggal seperti ini adalah perlu supaya perancangan yang teliti dapat dibuat memandangkan kos pelaburan untuk prasarana penyediaan bekalan elektrik adalah tinggi dan memerlukan jangka masa yang panjang.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

JPPPET turut membuat keputusan mengenai keperluan bekalan elektrik pada masa depan berdasarkan unjuran kadar pertumbuhan ekonomi serta pertumbuhan permintaan bekalan elektrik sehingga tahun 2030. Keputusan mengenai keperluan masa depan adalah dibuat berdasarkan data ekonomi serta maklumat pasaran semasa yang akan dikaji dan disemak dari masa ke semasa. Berdasarkan kadar pertumbuhan ekonomi semasa, kadar pertumbuhan permintaan bekalan elektrik diunjurkan pada kadar purata 2.6% sehingga tahun 2030. Kedudukan permintaan puncak pada tahun 2020 dijangka mencapai 20,669MW dan 25,193MW pada tahun 2030.

Untuk memastikan kedudukan bekalan elektrik mematuhi kriteria perancangan

sistem bekalan elektrik serta memenuhi keperluan permintaan, kapasiti terpasang yang diperlukan bagi tahun 2020 adalah sebanyak 24,919MW manakala bagi tahun 2030 pula sebanyak 29.246MW. Berdasarkan perancangan yang dibuat, keperluan permintaan bekalan elektrik negara semasa serta pada masa akan datang akan dapat dipenuhi.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
(KOTA RAJA)

**TARIKH**      **PERTA  
NYAAN** : LISAN  
                  : 16.06.2010

**SOALAN NO** : 38

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah hasil pendapatan Kerajaan pada tahun 2009 melalui kutipan hasil perusahaan arak dan perjudian dan berapakah jumlah pendapatan Kerajaan yang dijangka dengan meluluskan perjudian Bola sepak Piala Dunia 2010 ini.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hasil pendapatan Kerajaan pada tahun 2009 melalui kutipan hasil perusahaan perjudian adalah sebanyak RM 2,513,195,411.33.

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, Kerajaan belum lagi mengeluarkan apa-apa lesen bagi pertaruhan bola sepak Piala Dunia. Oleh demikian, isu berkaitan anggaran hasil yang dijangka dikutip daripada pertaruhan bola sepak Piala Dunia tidak timbul.



**NO. AUM : 32**

**NO.AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ]**

**TARIKH 16 JUN 2010**

**RUJUKAN 2712**

**SOALAN:**

**Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah 'Standard Operating Procedure (SOP)' yang disyaratkan kepada anggota Polis apabila menggunakan senjata api bila berdepan dengan penjenayah atau semasa menjalankan tugas.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan pertanyaan.**

**Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas dan Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak bertarikh 16 Jun 2010 dan 5 Julai 2010 kerana pertanyaan tersebut adalah berkaitan perkara yang sama.**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, anggota-anggota PDRM sentiasa diberi kefahaman dan latihan mengenai penggunaan senjata api dan gari tangan ketika bertugas. Pengetahuan mengenai perkara tersebut didedahkan semasa latihan asas Inspektor dan Konstabel dan ianya sentiasa diulangi semasa pegawai atau anggota bertugas di kontinjen/formasi. Manakala, semasa di Pusat Latihan Polis, pelatih-pelatih didedahkan dengan pengetahuan mengenai tatacara melepaskan tembakan, hak mempertahankan diri dan tatacara penggunaan gari tangan ketika bertugas seperitimana yang terkandung dalam Kanun Keseksaan serta Perintah Tetap KPN bab D 222 (Penggunaan Senjata api oleh Pegawai Polis).**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Di dalam memastikan anggota-anggota PDRM sentiasa peka dan mengikuti segala arahan yang terkandung dalam Perintah Tetap KPN berkenaan SOP penggunaan senjata api, latihan-latihan amali yang**

merangkumi matapelajaran pengendalian pistol dan latihan amali lapang sasar sentiasa dilakukan. Dalam kedua-dua latihan amali ini, anggota turut didedahkan dengan pengetahuan yang bukan sahaja merangkumi tentang pengendalian senjata api tetapi juga pengetahuan mengenai bila masanya untuk melepaskan tembakan. Selain daripada itu, pemeriksaan terhadap senjata yang digunakan juga sentiasa dilakukan bagi memastikan senjata dalam keadaan baik dan tidak rosak. Pemeriksaan ini sangat penting bagi memastikan penjenayah dapat ditangkap dan keselamatan anggota- anggota PDRM yang bertugas terjamin.

Tuan Yang Dipertua,

SOP berkaitan penggunaan gari tangan ketika bertugas adalah terkandung di dalam Perintah Tetap KPN Bahagian A 120. Berdasarkan SOP ini, gari digunakan bagi memastikan banduan yang dikurung selamat dan tidak terlepas. Walaubagaimanapun, SOP ini juga menerangkan secara terperinci tentang penggunaan gari tangan oleh anggota-anggota PDRM untuk banduan-banduan yang berbeza. Bagi banduan tua atau tidak kuat, banduan yang cedera dan kecederaannya menghalang dari menjadi merbahaya atau cuba melepaskan diri, juvana, mereka yang melakukan kesalahan kecil, mereka yang ditangkap semata-mata oleh proses sivil dan mereka yang tidak berkemungkinan cuba untuk melepaskan diri hendaklah tidak di gari. Manakala bagi banduan wanita pula, mereka hendaklah tidak digari. Tetapi sekiranya pegawai bertanggungjawab untuk mengiring merasakan perlu untuk menggari banduan tersebut atas sebab-sebab yang difikirkan wajar, ianya adalah

**di bolehkan dan hendaklah selalu berada di bawah jagaan terus seorang anggota polis wanita seperti yang termaktub di bawah Seksyen 19 Kanun Acara Jenayah.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Apabila seseorang banduan sedang diiring dan digari, cara yang paling selamat ialah dengan menggari kedua-dua tangan banduan di belakang badannya. Banduan hendaklah selalu disuruh berjalan sedikit di hadapan dari pengiring untuk membolehkan ia dalam pemerhatian pada setiap masa. Kunci gari hendaklah disimpan oleh pengiring. Sekiranya lebih dari seorang banduan, mereka hendaklah digari secara berpasangan. Manakala bagi mengiring perjalanan dalam sebarang kenderaan atau keretapi pula, setiap banduan hendaklah digari pada pergelangan kanannya. Manakala gari sebelah lagi hendaklah diikat pada pergelangan kiri pengiring. Kunci gari hendaklah disimpan oleh pengiring yang ikut serta.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA**              **Puan Nurul Izzah binti Anwar**  
                              **(Lembah Pantai)**

**TARIKH**              **16 Jun 2010**

**SOALAN**              **Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai]** minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan peserta dan peruntukan dibelanjakan untuk program Biro Tatanegara sejak tahun 2004 hingga sekarang. Apakah status terkini program tersebut setelah wujud desakan umum untuk merombak silibus BTN.

**Jawapan :**

Tuan Yang Di Pertua,  
Objektif program Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Perdana Menteri adalah memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara dengan mengendalikan Program Bina Negara yang meliputi pelbagai kursus dan seminar, ia bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme dan latihan sikap yang baik kepada semua lapisan masyarakat terdiri daripada warga institusi pendidikan, anggota perkhidmatan awam, pemaju masyarakat, anggota pertubuhan bukan kerajaan dan pekerja swasta.

Bilangan peserta dan jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk melaksanakan Program Bina Negara mulai tahun 2004 sehingga 31 Mei 2010 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN PESERTA</b>	<b>PERBELANJAAN</b>
<b>2004</b>	<b>1,057,219 orang</b>	<b>RM 77,835,953.05</b>
<b>2005</b>	<b>351,533 orang</b>	<b>RM 35,796,861.70</b>
<b>2006</b>	<b>446,184 orang</b>	<b>RM 51,540,116.85</b>
<b>2007</b>	<b>571,290 orang</b>	<b>RM 76,215,712.36</b>
<b>2008</b>	<b>587,090 orang</b>	<b>RM 75,487,987.07</b>
<b>2009</b>	<b>292,187 orang</b>	<b>RM 77,938,465.09</b>
<b>2010 (SEHINGGA MEI 2010)</b>	<b>112,730 orang</b>	<b>RM 25,098,456.18</b>

**BTN** sejak dari dahulu lagi sentiasa melakukan penambahbaikan dan pengubahsuaian sejajar dengan keperluan semasa negara. Sebaliknya **BTN** tidak pernah sesekali merubah silibus programnya kerana hanya didakwa oleh pihak-pihak tertentu yang cuba 'menangguk di air yang keruh'. Penambahbaikan dan pengubahsuaian silibus ini dilakukan oleh golongan profesional dan pakar dalam bidang yang berkaitan. Sebagai contoh, ketika zaman Tun Dr. Mahathir Mohammad menjadi Perdana Menteri, fokus **BTN** adalah kepada Wawasan 2020, diikuti dengan modal insan pada era Tun Abdullah Ahmad Badawi. Mulai pertengahan tahun 2009, fokus **BTN** adalah kepada 1 Malaysia - "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" dan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Ini bermakna Program Bina Negara terus dilaksanakan seperti biasa kerana ianya terbukti dapat mempertingkatkan kesedaran dan semangat cinta serta setia kepada negara.

**PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN SALLEH BIN KALBI</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16 JUN 2010 (RABU)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>NO.41</b>

Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah Kementerian sedar kawasan Pantai Timur Sabah agak mundur dari segi pelajaran. Dalam usaha menjadikan Silam sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan dengan wujudnya pelbagai institusi pengajian tinggi dan pusat latihan kemahiran, adakah Kementerian berhasrat untuk menubuhkan cawangan IPT di sini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk menambah bilangan universiti awam negara termasuk di kawasan pantai timur Sabah. Sehingga kini terdapat 20 universiti awam yang mampu untuk menampung keperluan pengajian tinggi negara. Walau bagaimanapun, kerajaan tiada halangan terhadap penubuhan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) terutama yang memberi tumpuan kepada program kritikal seperti perubatan, farmasi dan kejuruteraan.

Sehingga kini telah terdapat sebuah politeknik, dua buah kolej komuniti induk dan sebuah kolej komuniti cawangan yang telah dan akan beroperasi di kawasan pantai timur Sabah seperti berikut:

- i. Politeknik Sandakan. Sabah
- ii. Kolej Komuniti Tawau
- iii. Kolej Komuniti Lahat Datu (dijangka beroperasi pada Jan 2011)
- iv. Kolej Komuniti Cawangan Semporna

**Cadangan penubuhan politeknik dan kolej komuniti mungkin boleh dipertimbangkan pada masa hadapan jika terdapat keperluan yang mendesak berdasarkan keadaan semasa.**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT,  
DARIPADA MALAYSIA DALIM LIP ENG  
[SEGAMBUT]**

**PERTANYAAN** LISAN  
**TARIKH** 16.06.2010  
**SOALAN NO** 42

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan nama agensi dan jabatan Kerajaan yang membelanjakan lebih RM1 juta untuk acara perasmian majlis bagi tahun 2008 dan 2009 mengikut tarikh, tempat, jumlah perbelanjaan dan tujuannya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sentiasa menggalakkan kementerian/jabatan/agensi Kerajaan untuk berbelanja secara berhemah dalam pelaksanaan program dan aktiviti masing-masing. Berdasarkan kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan, semua kementerian/jabatan/agensi diminta supaya penganjuran majlis dan upacara keraian termasuk acara perasmian majlis dibuat secara sederhana, tidak melibatkan perbelanjaan besar dan tidak membazir.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Pegawai Pengawal diminta memastikan perbelanjaan bagi pelaksanaan sesuatu majlis atau upacara rasmi dilaksanakan menurut peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, hampir 98 % acara yang dianjurkan oleh Kementerian dan Jabatan adalah di dalam lingkungan RM100 ribu dan ke bawah kecuali bagi program-program bertaraf nasional seperti Pesta Air Nasional dan Pesta Floral serta bertaraf antarabangsa seperti *Colours of Malaysia* yang kosnya melebihi RM1 juta bagi keseluruhan acara termasuk majlis perasmian.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi]

TARIKH

16 JUN 2010 (Rabu)

SOALAN

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan

- (a) Berapakah jumlah penggunaan diesel dan petrol bersubsidi oleh nelayan kecil dan besar sepanjang tahun 2008-2009; dan
- (b) Adakah pihak Kementerian memantau penggunaannya agar bebas dari penyalahgunaan/ penyeludupan serta juga memantau aktiviti-aktiviti persatuan nelayan kawasan, negeri dan NEKMAT berkenaan dengan ini.

Jawapan : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Tuan

Yang DiPertua,

(a) Pada tahun 2008, jumlah penyaluran diesel bersubsidi nelayan adalah sebanyak 1,069 juta liter manakala pada tahun 2009, jumlah penyaluran adalah sebanyak 1,035 juta liter. Bagi petrol bersubsidi pula, sebanyak 74.15 juta liter telah disalurkan pada tahun 2008 dan jumlah ini telah meningkat kepada 83.72 juta liter pada tahun 2009.

(b) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai mekanisme bagi memantau penggunaan diesel dan petrol bersubsidi agar bebas dari penyalahgunaan dan penyeludupan. Mekanisme ini juga termasuk pemantauan ke atas aktiviti-aktiviti Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), Persatuan Nelayan Negeri dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) berkenaan isu-isu subsidi petrol dan diesel.

Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan dikawal selia di peringkat Kementerian menerusi Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan manakala di peringkat negeri pula, skim ini dikawal selia menerusi Jawatankuasa Petugas Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan. Kedua-dua jawatankuasa ini dan LKIM memantau dan mengawal selia penyaluran diesel bersubsidi oleh NEKMAT, Persatuan Nelayan Negeri

Sarawak (PENESA), Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (KONELAYAN) dan PNK melalui laporan perlaksanaan yang dikemukakan oleh badan-badan berkenaan setiap bulan. PNK juga wajib menyediakan laporan kawalan stok diesel bersubsidi untuk semakan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan LKIM setiap bulan.

Aktiviti penguatkuasaan untuk pengawalseliaan petrol dan diesel bersubsidi dilaksanakan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), Jabatan Perikanan Malaysia, Pasukan Gerakan Marin (PGM), Polis Diraja Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Kesemua Kementerian/ Jabatan/ Agensi ini juga merupakan ahli Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan. Nelayan yang tidak mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan mengenai diesel dan petrol bersubsidi akan dikenakan tindakan oleh LKIM dan jabatan/ agensi penguatkuasa berdasarkan akta atau peraturan yang ditetapkan seperti Akta Kemajuan Petroleum 1974 (Akta 144) yang dikuatkuasakan oleh KPDKKK dan Pekeliling Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan di bawah LKIM.

Ketidakpatuhan kepada akta atau peraturan yang ditetapkan boleh menyebabkan kad e-Diesel dan e-Petrol nelayan disenaraihitamkan atau ditangguhkan. Penyalahgunaan dan penyeludupan diesel dan petrol bersubsidi boleh menyebabkan kad e-Diesel dan e-Petrol nelayan disenaraihitamkan manakala kesalahan seperti kegagalan mengisyiharkan hasil tangkapan boleh menyebabkan kad e-Diesel dan e-Petrol ditangguhkan. Pemegang kad yang telah disenaraihitamkan dan ditangguhkan tidak layak mendapat bekalan diesel atau petrol bersubsidi dari pusat-pusat jualan berdaftar. Tindakan senaraihitam dan penangguhan yang diambil oleh LKIM terhadap pemegang kad adalah berdasarkan kepada :-

- (i) maklumat dan aduan daripada PNK atau orang awam;
- (ii) keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Skim Subsidi Diesel Peringkat Negeri;
- (iii) pemantauan melalui e-Nelayan *Diesel Management*,
- (iv) tangkapan dan laporan oleh jabatan dan agensi penguatkuasa; dan
- (v) kegagalan atau keengganan mematuhi peraturan dan syarat yang

telah ditetapkan.

Pada tahun 2008, LKIM juga telah menerima laporan bahawa terdapat 54 kes tangkapan penyeludupan dan penyalahgunaan diesel bersubsidi hasil operasi bersama jabatan dan agensi penguatkuasa seperti APMM, KPDNKK dan PGM. Walau bagaimanapun, jumlah kes ini didapati menurun pada tahun 2009 di mana hanya 4 kes tangkapan penyeludupan dan penyalahgunaan diesel bersubsidi dibuat berdasarkan laporan APMM dan PGM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA :</b>	<b>PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16 JUN 2010</b>
<b>SOALAN</b>	

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan statistik 10 tahun jumlah mak nyah di Malaysia mengikut pecahan negeri serta jenis perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada golongan tersebut. Sila nyatakan juga apakah kaitan orientasi jantina dengan risiko HIV/AIDS.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mempunyai atau mengumpul data mengenai jumlah mak nyah yang terdapat di Malaysia. Walaubagaimanapun, adalah dianggarkan terdapat seramai 5,000 orang mak nyah yang berada di seluruh negara pada tahun 2009. Anggaran ini dibuat oleh komuniti mak nyah sendiri semasa perbincangan kajian ‘Integrated Bio Behaviors Surveillance - IBBS’ yang dijalankan di Lembah Klang pada tahun 2009.

Di Malaysia, sehingga akhir tahun 2009, terdapat kumulatif seramai 87,710 telah dilaporkan dijangkiti HIV di seluruh Negara. Walaubagaimanapun, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia tidak memecahkan data-data tersebut kepada kumpulan mak nyah. Namun, kajian ‘Integrated Bio Behaviors Surveillance - IBBS’ yang dijalankan di Lembah Klang oleh Majlis AIDS Malaysia dengan sokongan Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2009 ada membuat kajian di kalangan mak nyah. Kajian ini adalah terhadap 540 orang mak nyah dan

**SOALAN NO. 44**

mendapati sebanyak 9.3% daripada mereka telah dijangkiti HIV. Kajian juga mendapati bahawa 83.7% daripada mereka telah menjual seks sebagai mata pencarian dan dianggarkan dalam tempoh setahun seramai 250



pelanggan telah melanggani mereka bagi setiap orang mak nyah tersebut. Peratusan penggunaan kondom adalah sebanyak 94.7%. Disamping itu, 41.3 dari mereka juga melakukan hubungan seks dengan pasangan lelaki mereka dan peratusan penggunaan kondom adalah 41.3%. Di samping itu, kajian tersebut juga mendapati bahawa pada tahun lepas seramai 3.1% daripada meereka telah menyuntik dadah dan 11.7% pula mempunyai pasangan seks yang menyuntik dadah.

Risiko untuk mendapat jangkitan HIV/AIDS adalah tinggi sekiranya seseorang itu mengamalkan seks “tidak selamat” (contohnya melakukan hubungan seks dengan tidak memakai kondom), dan risiko jangkitan juga adalah lebih tinggi sekiranya perbuatan seks tidak selamat tersebut dilakukan dengan melalui liwat (*“anal intercourse”*) jika berbanding hubungan seks melalui faraj (*“vaginal intercourse”*).

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUABELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DATO' ABD  
RAHMAN BIN  
DAHLAN (KOTA  
BELUD)**

**TARIKH**

**16.06.2010**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bilakah Kerajaan akan menurap (asphalt) Jalan Kota Belud/ Kg. Sayap dan Jalan Kg. Sarang/ Dudar/ T aburon/Mendawang.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Naiktaraf Jalan Sarang Dudar, Kota Belud Sabah telah disenaraikan dibawah program jalan Luar Bandar (JALB) RMKe-9 Kementerian. Projek yang bernilai RM 32,665,802.92 telah mula pelaksanaannya pada 17 Mei 2010 dan dijangka siap pada November 2011.

Walau bagaimanapun, cadangan pembinaan jalan Kota Belud/Kg. Sayap, Kementerian ini telah menyenaraikan projek ini untuk dilaksanakan di bawah program JALB pada tahun 2013.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA :

TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR] 16 JUN 2010 (RABU)

TARIKH

**SOALAN**

Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) minta PERDANA MENTERI menyatakan terma- terma yang terkandung dalam kontrak-kontrak perkongsian penghasilan petroleum yang diperolehi oleh PETRONAS dengan UNOG untuk mencari gali Blok MD-4, 5 dan 6 di Martaban, Teluk Myanmar dan apakah yang telah dibayar oleh Petronas setakat ini.

**JAWAPAN:**

PETRONAS pada 21 Januari 2010 telah telah menandatangani kontrak pengeluaran bersama dengan *United National Oil and Gas Pte. Ltd. (UNOG)* dan *Myanmar Oil and Gas Enterprise (MOGE)* bagi meneroka potensi sumber petroleum di dalam blok-blok laut dalam MD4, MD5 dan MD6 yang terletak di Teluk Martaban, Myanmar. Pada masa ini, aktiviti yang dijalankan adalah di peringkat penilaian teknikal (*technical assessment*) melibatkan pengumpulan maklumat geologi dan geofizik bagi blok-blok berkenaan. Maklumat tersebut akan membolehkan PETRONAS membuat penilaian awal mengenai potensi sumber petroleum di blok-blok berkenaan. Rancangan yang lebih terperinci mengenai aktiviti penggerudian dan carigali di kawasan-kawasan berkenaan akan tertakluk kepada penilaian teknikal yang dijalankan pada masa ini.



PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI**  
**[ TITIWANGSA ]**

TARfKH : **16 JUN 2010**

**SOALAN:**

**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali** minta **PERDANA MENTERI**

menyatakanapakah keperluan anggota Tentera Malaysia yang tinggal di kem-kem tentera, isteri atau suami tentera dan pekerja- pekerja biasa dalam kem seperti tukang masak dan lain-lain mengundi secara pos serta apakah ada usaha dari **SPR** untuk memastikan pengundi-pengundi pos tidak pula mengundi secara awam.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pengundian pos yang diperuntukkan oleh Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003, dibuat menurut Seksyen 16 Akta Pilihan Raya 1958. Ia bertujuan untuk membolehkan anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) daripada pelbagai kor dan pangkat mengundi secara pos. Takrif "pengundi tidak hadir"

di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 menyatakan bahawa pengundi tidak hadir ialah mana-mana anggota yang berkhidmat dengan mana-mana angkatan tentera laut tetap, angkatan tentera biasa tetap atau angkatan tentera udara tetap Malaysia, Komanwel atau negara lain, termasuklah isteri atau suami kepada seseorang anggota itu, jika mereka ini memilih untuk menjadi seorang pengundi tidak hadir. Perenggan 3(1 )(a), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundi Pos) 2003 menyatakan bahawa “mana-mana orang yang telah meridaftarkan diri sebagai seorang pemilih Parlimen atau Negeri di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran

**Pemilih) 2002, dan dia ialah seorang pengundi tidak hadir, adalah berhak untuk mengundi sebagai pengundi pos.**

**Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada pengundi tidak hadir, yang termasuklah isteri atau suami kepada anggota tentera itu, adalah iayak untuk mengundi secara pos jika mereka memilih untuk menjadi seorang pengundi tidak hadir.**

**Sekian, terima kasih.**

**SOALAN NO. 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KUI LUN (DAP) (BUKIT BINTANG)**

**TARIKH 16 JUN 2010 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Tuan Fong Kui Lun (DAP) [Bukit Bintang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,**

**KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha dan langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat yang berada di bawah paras RM1.500 terutama di bandar-bandar besar selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan rakyat berpendapatan tinggi.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Mendukung falsafah induk 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Kerajaan akan terus memberi fokus kepada usaha meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah. Justeru, Kerajaan mengambil langkah *transformational* dengan pelaksanaan Bidang

**Keberhasilan Utama Negara atau National Key Result Area (NKRA)- Low Income Household.**

Melalui pelaksanaan NKRA ini, keperluan asas kumpulan berpendapatan rendah dapat dipenuhi dan mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik serta dapat merasai keterangkuman (*inclusiveness*) di bawah konsep 1 Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Matlamat utama NKRA-Low Income Household yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah yang terdiri daripada miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Bagi tujuan tersebut, sejumlah 49 inisiatif sedang dan akan dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Wilayah Persekutuan dan

**Kesejahteraan Bandar.** Antara inisiatif di bawah NKRA ini ialah:

1. Memberi bantuan dan latihan pembangunan sumber manusia bagi membolehkan kumpulan berpendapatan rendah menjana pendapatan seperti menyediakan sumber-sumber ekonomi, peluang pekerjaan, peluang perniagaan dan skim kredit mikro;  
Menyediakan kemudahan perumahan melalui skim penyewaan dan pembelian rumah kos rendah serta bantuan membaiki rumah;
2. Memberi bantuan persekolahan seperti kelengkapan persekolahan, pakaian sekolah, bantuan buku sekolah dan penyediaan hostel;
3. Mengadakan program latihan keusahawanan khusus bagi wanita dalam aspek pengurusan kewangan, pemasaran dan *soft skills* yang berkaitan;
4. Memperluaskan program penjagaan kesihatan, termasuk program kesihatan reproduksi; dan
5. Meningkatkan penyediaan kemudahan asas terutama di luar bandar seperti bekalan air bersih, bekalan elektrik, kemudahan asas kebersihan dan sanitasi.

Sehingga 30 Mei 2010, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta agensi-agensi di bawahnya telah berjaya melaksanakan kajian analisis 1AZAM terhadap ISI RUMAH MISKIN TEGAR di 13 buah negeri yang merangkumi 8,438 orang ketua isi rumah. Kajian ini penting dilaksanakan bagi memastikan inisiatif yang ditawarkan bertepatan dengan kemahiran, minat dan keperluan golongan berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, Kejayaan mencapai sasaran NKRA tidak semata-mata bergantung kepada usaha dan inisiatif Kerajaan. Ia memerlukan penglibatan dan komitmen semua pihak terutama pemimpin di

peringkat akar umbi untuk turut menggembrelleng tenaga dalam melaksanakan program-program yang telah dirancang. Apa yang lebih penting ialah kumpulan sasar itu sendiri mesti komited dan mempunyai semangat untuk memperbaiki kualiti hidup keluarga.

**Soalan No:49**

**PERTANYAAN**                   **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**  
**BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA**                   **TUAN LOKE SIEW FOOK ( RASAH )**

**TARIKH**                   **16JUN 2010 ( RABU)**

**SOALAN**                   **49**

**Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan pendirian Kerajaan terhadap ‘Projek Bullet Train’ di antara Kuala Lumpur dan Singapura dan sama ada Kerajaan akan mengambil inisiatif untuk menggalakkan syarikat swasta untuk melaksanakan projek tersebut melalui tender terbuka.**

**JAWAPAN Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan berpandangan bahawa sebarang perancangan bagi mewujudkan perkhidmatan keretapi laju memerlukan kajian mendalam dan menyeluruh dari segi impak kewangan, ekonomi dan sosio-ekonomi Negara. Berasaskan hasil kajian tersebut, barulah Kerajaan boleh membuat pertimbangan sama ada untuk melaksanakan projek tersebut melalui proses tender terbuka.

Namun bagi perancangan pada masa hadapan, Kerajaan bersikap terbuka untuk mempertimbangkan cadangan pembinaan landasan keretapi laju.



**NO. SOALAN : 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AMRAN BIN AB GHANI**

**[ TANAH MERAH ]**

**TARIKH : 16 JUN 2010**

**SOALAN :**

**SOALAN 32:**

**Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah penglibatan Kerajaan dalam penubuhan PERKASA dan apakah ini membuktikan lagi ketidak mampuan Kerajaan membela nasib Melayu.



JAWAPAN: YB DATO<sup>5</sup> SERI MOHAMED NAZRI BIN **ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab soalan YB Tanah Merah yang menyentuh tentang penglibatan Kerajaan dalam penubuhan Perkasa.

Untuk pengetahuan Dewan yang Muiia ini, Kerajaan tidak terlibat sama sekali dengan penubuhan PERKASA. Pertubuhan tersebut adalah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan tiada kena mengena dengan Kerajaan Malaysia sama sekali. Hal ini tiada kaitan dengan persoalan samaada Kerajaan mampu membela nasib orang Melayu atau tidak, kerana Kerajaan Malaysia adalah kerajaan untuk semua dan akan membela nasib setiap rakyat Malaysia.

Sekian. Terima kasih.

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING**

**(TAIPING)**

**TARIKH**

**16.06.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah dan dasar Kerajaan untuk memastikan terdapat jumlah bilangan sekolah serta kakitangan guru yang mencukupi bagi pelbagai aliran sekolah demi menjamin kualiti**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

pendidikan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa merancang dari semasa ke semasa untuk memastikan keperluan bekalan guru mencukupi bagi semua jenis sekolah sama ada di peringkat rendah ataupun menengah. Unjuran keperluan guru dibuat dengan mengambil kira keperluan pelbagai jenis aliran sekolah termasuklah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Terdapat pelbagai program latihan perguruan jangka pendek dan jangka panjang seperti Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Kursus Perguruan Lepasan Ijazah, Diploma Pendidikan, dan Kursus Dalam Cuti dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pendidikan Guru bagi membekalkan guru terlatih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, Unit Penyelarasian Pelaksanaan Negeri, Jabatan Statistik serta lain-lain agensi berkaitan dalam menentukan keperluan pembinaan sekolah baru. Selain daripada itu, KPM juga turut membuat analisis trend serta unjuran pertambahan murid bagi sesuatu kawasan.

**SOALAN ( 52 )**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH**

**16 JUN 2010 (RABU)**

**DARIPADA**

**PEMBERITAHUAN**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG)**

**DEWAN RAKYAT,**

**MALAYSIA**

**SOALAN**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan tentang Skim Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah di mana kadar kelulusan hanya RM20 ribu, tidak bersesuaian dengan kos semasa. Apakah penyelesaian tentang permohonan pinjaman rumah di kalangan ahli keluarga miskin di atas geran tanah yang sama.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kadar pinjaman maksimum

yang ditawarkan di bawah Skim Pinjaman Perumahan untuk Golongan

Berpendapatan Rendah adalah RM20,000.00. Kadar ini telah ditetapkan pada tahun

2001 mengambil kira kos binaan pada masa tersebut. Walau bagaimanapun,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kini sedang mengkaji

kadar dan syarat-syarat pinjaman sedia ada supaya ia relevan dengan keadaan

semasa. Bagi pinjaman di atas geran yang sama, pinjaman tersebut hanya boleh

dibenarkan seorang sahaja kerana tanah tersebut akan digadaikan bagi tujuan

pinjaman ini. Ini bagi mengelakkan jika berlaku kes pelelongan, ianya tidak

**melibatkan banyak pihak.  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan Jun 2010**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**NO: 53**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA)</b>
<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16.06.2010</b>
<b>SOALAN NO</b>	<b>53</b>

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada polisi Pekeliling Kontrak Perbendaharaan yang menghadkan perolehan barang-barang tertentu kepada beberapa syarikat tertentu akan dihentikan supaya Kerajaan melaksanakan perolehan secara tender terbuka seperti ditetapkan dalam pelan Model Ekonomi Baru dan Program Transformasi Kerajaan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, untuk menjayakan Model Ekonomi Baru (MEB), YAB Perdana Menteri dalam temubual eksklusif oleh Bernama dalam bulan April 2010 telah mengumumkan bahawa dasar afirmatif tidak akan dihapuskan memandangkan kedudukan kaum Bumiputera masih tidak mencapai taraf ekonomi yang sepatutnya. Sehubungan itu, polisi afirmatif masih akan diteruskan dengan perlu menambahbaik kelemahan dalam**

**pelaksanaannya.**

2. Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk membangunkan usahawan Bumiputera, Kontrak Pusat dan Kontrak Pusat Sistem Panel diwujudkan sebagai platform untuk membangunkan ushawan pembuat Bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa sentiasa menyemak senarai item di bawah Kontrak Pusat dan Kontrak Pusat Sistem Panel di mana bilangan item semakin berkurangan semenjak ia diwujudkan. Begitu juga dengan syarikat pembuat yang telah disenaraikan di mana syarikat akan sentiasa dinilai serta dipantau dari segi pembangunan perniagaan, inovasi, kualiti barang dan sebagainya, di samping perlu bersaing sesama syarikat pembuat yang telah disenaraikan. Syarikat pembuat yang telah berjaya dibangunkan akan dikeluarkan daripada Kontrak Pusat dan Kontrak Pusat Sistem Panel dan seterusnya akan bersaing di pasaran yang lebih terbuka.

NO. SOALAN:54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ SERDANG ]

TARIKH : 16 JUN 2010

**SOALAN:**

PUAN TEO NIE CHING (SERDANG) minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah wang ringgit yang telah dibayar oleh Kerajaan Pusat, setiap Kementerian dan setiap GLC kepada APCO Worldwide setakat ini, jumlah wang yang masih terhutang dan jumlah wang yang akan dibayar untuk lima tahun yang akan datang.

JAWAPAN: YB DATO<sup>5</sup> SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Malaysia telah menandatangam kontrak dengan APCO Worldwide Sdn Bhd untuk melaksanakan perkhidmatan berkaitan komunikasi melalui dua perjanjian. Perjanjian itu adalah :

- i) *Public Affairs and Government Affairs Services', dan*
- ii) *Strategic Communications, Public Relations and Press Outreach Agreement.*

Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab sepenuhnya menguruskan kontrak tersebut dan Kementerian lain atau GLC tidak ada membuat sebarang bayaran

kepada APCO Worldwide Sdn Bhd. Kedua-dua kontrak ini ialah untuk tempoh satu tahun dan berjumlah USD 23.2 juta. Setakat ini hampir 90% dari nilai kontrak ini telah dibayar.

Sekian. Terima kasih.



**NO. AUM : 50  
NO. AUP : £\T**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN  
RAKYAT**

**LISAN**

**PERTANYAAN :** **PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]**

**DARIPADA TARIKH** **16 JUN 2010**

**RUJUKAN** **2714**

**SOALAN:**

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah Perkara 14 dan Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan akan dipinda kerana pemberian kewarganegaraan kepada anak yang lahir di luar negara oleh wanita tempatan melalui peraturan baru tidak mencukupi di dalam menjamin kesaksamaan gender.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.**

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri telah melaksanakan "Peraturan Baru Secara Pentadbiran Permohonan Taraf Kewarganegaraan Bagi Anak Yang Lahir Di Luar Negara Kepada Wanita Bertaraf Warganegara Malaysia Yang Berkahwin Dengan Lelaki Warga Asing" mulai 1 Jun 2010 bagi mengatasi ketidaksamaan gender. Peraturan baru ini dilaksanakan tanpa melibatkan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan.

Peraturan baru ini memberi kemudahan kepada wanita bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki warga asing yang tinggal dan melahirkan anak di luar negara. Permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi kanak-kanak tersebut boleh dipohon di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara sebagaimana kemudahan yang diberi kepada bapa bertaraf warganegara yang berkahwin dengan wanita asing yang tinggal dan melahirkan anak di luar negara.

**Syarat-syarat permohonan ditetapkan berikut:-**

- (i) Ibu kepada kanak-kanak tersebut perlulah hadir bersama anaknya**

di hadapan Pegawai Konsular di Perwakilan Malaysia dan mengemukakan permohonan di dalam borang yang ditetapkan beserta Surat Akuan Persetujuan Bersama yang ditandatangani oleh ibu dan bapa kanak-kanak tersebut (bagi mengelakkan pertikaian taraf kewarganegaraan anak di antara ibu dan bapa kepada kanak-kanak dikemudian hari); dan

- (ii) Permohonan boleh dikemukakan dalam tempoh setahun daripada tarikh kelahiran berlaku. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang diberi kepada bapa di bawah Seksyen 1(c) Bahagian II, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri berpendapat bahawa pada masa ini, Perkara 14 dan Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dipinda kerana peraturan baru yang dinyatakan diatas telah dapat mengatasi isu ketidaksamaan gender khususnya yang berkaitan dengan pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia kepada anak yang lahir di luar negara oleh wanita bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan suami bertaraf warga asing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA (PADANG TERAP)	
TARIKH		
PERTANYAAN	LISAN	
		16.06.2010
SOALAN NO	56	

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan strategi Kerajaan bagi menyelesaikan isu lebih kos yang terpaksa ditanggung oleh Sime Darby yang dianggarkan sekitar RM450 juta dan jumlah keseluruhan kos lebihan pembinaan Bakun sebanyak RM1.3 bilion tidak diterjemahkan kepada tarif elektrik yang tinggi dari segi perKWh dan tidak kompetitif kepada industri.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedang memantau isu lebihan kos yang ditanggung oleh Sime Darby Bhd (Sime Darby) dengan teliti. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Sime Darby melalui kajian semula ke atas Bahagian Tenaga & Utiliti dengan penilaian secara menyeluruh struktur organisasi dan pelaporan Kumpulan diyakini dapat menyekat sebarang kerugian yang lebih besar.**

**2. Projek empangan hidroelektrik Bakun dilaksanakan oleh Malaysia China Hydro Joint Venture (MCHJV) yang mana Sime Engineering Sdn Bhd memiliki kepentingan sebanyak 35.7% dan lain-lain kepentingan oleh Ahmad Zaki**



**Resources Berhad, WCT Engineering Berhad, MTD Capital Berhad, Edward & Sons (EM) Sdn Bhd, Syarikat Ismail Ibrahim Sdn Bhd dan Sinohydro Corporation (M) Sdn Bhd.** Sebarang kerugian akan ditanggung oleh rakan kongsi dalam usahasama tersebut yang terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam kontrak mereka.

3. Sehubungan itu, Bahagian Tenaga & Utiliti Sime Darby telah membuat peruntukan kerugian sebanyak RM580 juta bagi projek Bakun. Dengan ini kerugian yang ditanggung adalah terhad kepada Sime Darby tanpa mengakibatkan sebarang kenaikan tarif elektrik.



NO. SOALAN: 57

LISAN

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN 16 JUN 2010 (RABU)

DEWAN RAKYAT

TARIKH

PERTANYAAN

DARIPADA :

SOALAN

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apabila Model Ekonomi Baru dilaksanakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula insentif, pinjaman mudah dan perjanjian-perjanjian yang membabitkan IPP, syarikat konsesi air dan syarikat konsesi tol supaya menjamin kepentingan syarikat dan tidak membebankan rakyat.

JAWAPAN:

Selaras dengan konsep Model Baru Ekonomi, sekiranya terdapat keperluan, Kerajaan bersedia untuk meneliti akan pemberian insentif dan pinjaman mudah kepada perjanjian-perjanjian yang membabitkan IPP dan syarikat konsesi tol supaya tidak membebangkan rakyat dan syarikat terus berminat untuk pelaburan modal bagi menyediakan kemudahan-kemudahan berkenaan. Di samping itu, Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa melaksanakan penambahbaikan kepada terma-terma dan syarat-syarat perjanjian konsesi bagi memastikan kepentingan Kerajaan dan rakyat adalah terpelihara setiap masa.

**SOALAN NO:**  
***St***

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA  
BELAS (2010)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZULKIFLI BINNOORDIN (KULIM  
BANDAR BARU)**

**TARIKH : 16 JUN 2010**

**SOALAN**

**Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baru) minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:**

- (a) apakah kriteria dan syarat dalam menentukan seseorang calon bagi Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah atau Tokoh Maulidur Rasul; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang memberikan Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah 1432 kepada Saudara Yu\$uf Islam @ Cat Steven kerana menghargai sumbangan besar beliau kepada penyebaran risalah dan dakwah Islam.

**JAWAPAN: ( Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN**

**(PERDANA MENTERI)**

**Tuan Yang di-Pertua,\**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan Tokoh Ma'al Hijrah adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti berikut;
- i) .berpengetahuan luas dan mendalam dalam disiplin ilmu yang dimanfaatkan ke arah pembangunan ummah, agama dan negara;
  - ii) .mempunyai sifat dan peribadi yang unggul yang boleh dijadikan teladan;
  - iii) .telah memberi sumbangan yang cemerlang dalam perkembangan syiar Islam;
  - iv) .ketokohnya mendapat pengiktirafan dan diterima oleh masyarakat umum.

**Manakala bagi Tokoh Maulidur Rasul pula, pemilihan adalah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:**

- i) . telah memberikan sumbangan dalam tugas yang mencabar;
- ii) . telah memberikan sumbangan dalam tugas berisiko tinggi;
- iii) telah memberikan sumbangan yang berinovatif; dan
- iv) .telah memberikan sumbangan ke arah kesejahteraan dan kemakmuran rakyat

b) Mengenai cadangan penganugerahan Tokoh Maal Hijrah, sesiapa sahaja yang menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan mempunyai kemungkinan untuk dicalonkan sebagai Tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan. Walau bagaimanapun keputusan muktamad akan dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan Tokoh Ma'al Hijrah yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN TAN TEE BENG</b>
	<b>[NIBONGTEBAL]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>16 JUN 2010 (RABU)</b>

**SOALAN**

Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan melalui JPM pernah memberi arahan kepada Pegawai Daerah untuk tidak menjemput Ahli Parlimen Bebas bagi menghadiri Mesyuarat Pembangunan bulanan.

**JAWAPAN:**

Jawatankuasa yang dimaksudkan adalah Jawatankuasa Tindakan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Pegawai Daerah sebagai Penggerusi boleh menjemput sesiapa sahaja untuk hadir berdasarkan kepada isu semasa yang dibincangkan di dalam mesyuarat berkenaan.

**PERTANYAAN TARIKH**

**SOALAN ( 60 )**

**DARIPADA**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**LISAN**

**SOALAN**

: 16 JUN 2010 (RABU)

**Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI  
SAMSURI (BAGAN SERAI)**

**SERAI) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan**

- (a) mengapakah tidak terdapatnya suatu sistem pelaksanaan yang teliti menyebabkan orang ramai tidak dapat menyahut saranan Kerajaan untuk menjaga persekitaran; dan
- (b) sejauh manakah Kempen Kitar Semula berjaya untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan kitar semula.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mempunyai sistem yang teliti dan pendekatan yang jelas untuk menjaga persekitaran dan alam sekitar. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan juga Kementerian-Kementerian lain mempunyai dasar khusus untuk memulihara dan memelihara persekitaran umpamanya Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Dasar Perbandaran, Dasar Alam Sekitar dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan di samping pelbagai pelan tindakan.**

**Selain itu, Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 20 Julai 2005 digunakan sebagai garis panduan**

dalam merancakkan program kitar semula. KPKT giat menjalankan pelbagai program untuk menyedarkan orang awam tentang betapa pentingnya penglibatan rakyat untuk memulihara persekitaran daripada tercemar oleh sisa pepejal, bahan buangan berbahaya dan lain-lain pencemaran. Susulan daripada program-program yang dijalankan terdapat peningkatan penglibatan orang awam dalam tindakan menjaga persekitaran yang boleh dikesan daripada kehadiran mereka dalam aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan, melalui penulisan artikel-artikel dalam media massa, gotong royong yang dijalankan dan juga aduan-aduan yang disampaikan. Namun begitu, KPKT akan mengerakkan lebih banyak aktiviti untuk memastikan orang ramai berganding bahu bersama Kerajaan untuk memulihara alam sekitar dan menjaga persekitaran.

Kempen kitar semula secara rasminya telah dimulakan oleh KPKT pada Disember 2000. Lanjutan daripada itu, pelbagai aktiviti telah dijalankan meliputi penyediaan infrastruktur seperti pusat kitar semula di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemberian tong-tong kitar semula dan lori mengangkut barang kitar semula dan kempen kesedaran. Kejayaan kempen kitar semula ini boleh diukur dengan bilangan penyertaan NGO, para pelajar dan persatuan penduduk dalam aktiviti mengitar semula. Di antara aktiviti yang telah dijalankan adalah:-

- i. Kempen kutipan barang kitar semula oleh persatuan Penduduk Bandar Damansara Utama;
- ii. Kempen kutipan botol kaca di Majlis Perbandaran Kuantan, Pahang;
- iii. Kempen pengasingan sisa di punca di Putrajaya dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Selangor;
- iv. Rawatan sisa makanan di punca di Swiss-Garden Resort SPA,

**Kuantan;**

- v. Mengkompos sisa sayuran di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan;
- vi. Progam Smart Ranger oleh Global Environment Centre di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur; dan
- vii. Bank kitar semula di Sekolah Kebangsaan Balik Pulau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Balik Pulau, Pulau Pinang.

**Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan**

**Jun 2010**